

"DALAM hubungan ini, barang siapa yang telah dikurniakan Allah rezeki yang banyak, mereka hendaklah sentiasa bersyukur dan memanfaatkan rezeki tersebut dengan sebaik-baiknya. Manakala barang siapa yang ditakdirkan Allah dengan rezeki yang sedikit, janganlah menyalahkan takdir Allah semata-mata dan mereka juga hendaklah sentiasa bersyukur dan tetap terus berusaha mencari rezeki serta tidak berputus asa".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Asy Syuura, ayat 27.

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Wawasan Brunei 2035 kekal sebagai rangka kerja strategik utama negara dalam memacu pembangunan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai kemakmuran negara yang mampan dan kesejahteraan rakyatnya.

Sejajar dengan komitmen ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus meneliti dan mengemas kini Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 secara terperinci bagi memastikan ia kekal relevan, *adaptable* dan berdaya tahan dalam apa jua keadaan, khususnya dalam menangani cabaran ketidakpastian geopolitik dan pergolakan di peringkat global.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda menekankan perkara tersebut semasa mempengerusikan Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, pagi tadi.

>> Muka 3

BERSATU PADU MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.



Berita Utama



MEMASTIKAN keselamatan tenaga, kestabilan ekonomi negara terus terpelihara

Muka 5



TETAP teguh memupuk keamanan, mempromosi keharmonian sosial

Muka 7

Majlis Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil sempena 25 Tahun Penubuhan Mahkamah Syariah

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri petang tadi mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena 25 Tahun Penubuhan Mahkamah - mahkamah Syariah yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

>> Muka 7

Pelanjutan tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza telah dilanjutkan selama enam bulan lagi, iaitu mulai 19 April 2026 sehingga 18 Oktober 2026 untuk orang ramai terus menyalurkan bantuan bagi meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza.

Pelanjutan berkenaan termasuklah melalui platform kutipan yang tersedia di bawah tabung berkenaan, iaitu kutipan melalui SMS Brunei Prihatin yang dikendalikan oleh Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif

Sdn. Bhd. (Progresif) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine).

Selain itu, penyediaan tabung-tabung derma di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, bangunan-bangunan awam, gedung-gedung perniagaan serta bank-bank dengan kerjasama Persatuan Bank-bank dan penganjuran aktiviti-aktiviti amal bagi tujuan kutipan derma berkenaan.

Kutipan keseluruhan dana tabung berkenaan setakat 14 April 2026 adalah sebanyak BND7,525,496.27.

Sebahagian daripada kutipan dana berjumlah BND1,399,545 telah digunakan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Palestin melalui *air-drop* dalam bentuk paket makanan yang siap sedia untuk dimakan yang telah dilaksanakan pada 13 hingga 15 Mac 2024.

Oleh itu, baki tabung setakat 14 April 2026 adalah berjumlah BND6,125,951.27.



HARGAI nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat

Muka 12



PERKHIDMATAN Halal Syarie penuhi keperluan masyarakat

Muka 20

Disiplin, kecemerlangan sukan jadi amanah atlet negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sekali lagi dapat berhimpun pada pagi ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 6th Asian Beach Games 2026, Sanya, Republik Rakyat China. Selawat dan salam ke atas Rasul Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bagi menghantar satu kontinjen dalam dua acara sukan iaitu Sukan Beach Athletic seramai satu atlet lelaki dan satu atlet wanita dan sukan Beach Teqball seramai dua atlet lelaki dengan diiringi oleh seorang pegawai urusetia, dua

orang jurulatih dan seorang Chef de Mission.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang telah dipilih dan dinilai oleh Urusetia Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan dan dihadapkan kepada Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan bagi sokongan.

Saya berharap atlet-atlet yang terpilih ini akan dapat menunjukkan disiplin yang tinggi dan memberikan saingan terhadap lawan mereka, di samping memegang amanah yang diberikan kepada mereka bagi mewakili negara dengan penuh tanggungjawab dan dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa bertanding nanti, selain menunjukkan semangat juang yang tinggi tanpa rasa gentar apabila berhadapan dengan lawan mereka bagi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam.


Walaupun penyertaan negara pada kali ini hanya melibatkan empat orang atlet, namun penyertaan seorang atlet wanita adalah amat signifikan. Perkara ini mencerminkan komitmen berterusan negara dalam mempromosikan penyertaan wanita dalam sukan secara inklusif, di samping memperkukuhkan usaha ke arah pemerdayaan wanita dalam bidang sukan. Dalam masa yang sama, ia juga menunjukkan

usaha untuk memastikan keseimbangan jantina dalam pembangunan sukan negara, selaras dengan Pelan Strategik Wanita dalam sukan, BDNOC.

Sehubungan ini, saya ingin mengingatkan semua atlet-atlet dan pegawai agar sentiasa menjaga disiplin dengan mematuhi serta menghormati segala peraturan dan garis pandu yang ditetapkan oleh pihak penganjur termasuklah menjauhkan diri dari apa jua bahan-bahan terlarang, serta mematuhi Akta dan Peraturan Anti-Doping, yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).

Selain itu, saya juga ingin mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih kontinjen kita untuk memastikan dan menjaga aspek *safeguarding athlete*, iaitu memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan atlet hendaklah sentiasa diberi keutamaan di sepanjang 6th Asian Beach Games 2026. Perkara ini adalah antara aspek yang sangat diambil berat oleh BDNOC.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Persatuan Sukan Kebangsaan dan ibu bapa yang terlibat dalam sama-sama memberikan sokongan yang berterusan kepada atlet-atlet yang akan menyertai 6th Asian Beach Games 2026, Sanya, Republik



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 6th Asian Beach Games 2026 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada Khamis, 16 April 2026.

Rakyat China.

Akhirnya saya berdoa, semoga kontinjen negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	ISNIN	2	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
21	SELASA	3	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
22	RABU	4	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
23	KHAMIS	5	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	JUMAAT	6	4.41	4.51	6.11	6.33	12.20	3.33	6.26	7.37
25	SABTU	7	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	AHAD	8	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 34 26 °C	34 27 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar 33 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong 33 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Kuala Belait 32 24 °C	33 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 20 APRIL 2026

Tunjukkan komitmen berterusan jayakan Wawasan Brunei 2035

WAWASAN Brunei 2035 yang menjadi aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai kemakmuran negara yang mampan dan kesejahteraan rakyatnya semakin mendekati kita. Justeru adakah kita selaku rakyat di negara ini sudah bersedia untuk melaksanakan Wawasan Brunei 2035 dengan penuh komitmen dalam sama-sama memajukan negara kita?

Tiga aspirasi utama Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melihat Negara Brunei Darussalam dikenali dengan rakyatnya yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, mempunyai taraf hidup yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan mampan, mencerminkan hala tuju strategik negara yang berpandangan jauh dari berlandaskan cita-cita murni ini.

Komitmen yang berterusan dan kerjasama yang erat akan dapat memastikan Wawasan Brunei 2035 terus menjadi pemacu kepada kemajuan negara, seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran yang berkekalan bagi generasi masa kini dan akan datang.

Sebagai rakyat di negara ini, usaha bersama bagi merealisasikan wawasan ini adalah Pendekatan Keseluruhan Negara (Whole of Nation) dengan penglibatan aktif daripada semua peringkat masyarakat, termasuk kerajaan, sektor swasta, dan penduduk untuk mendukung usaha-usaha ini bagi melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh iltizam, integriti dan akauntabiliti.

Sebagai negara moden yang melakar masa depan lebih dinamik dan berusaha menempatkan diri sebagai negara maju, cabaran berterusan dalam arus globalisasi dan pasca kemodenan menjadi realiti perlu ditangani sebaik mungkin. Kesedaran masyarakat dalam usaha membina peradaban dan mencapai status kemajuan bagi negara ini, terutama dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 seharusnya bertunjangan persefahaman, tolak ansur dan rasa hormat-menghormati. Inilah yang perlu kita wujudkan untuk menuju Wawasan Brunei 2035.

Dalam kita menuju Wawasan Brunei 2035, tidak dinafikan kita juga menghadapi cabaran seperti ketidakseimbangan sosial dan juga cabaran global selain masalah sosial seperti jenayah, dadah, dan gejala sosial dalam kalangan remaja.

Sistem pendidikan yang tidak sejajar dengan keperluan industri moden juga boleh menjadi cabaran apabila adanya kekurangan kemahiran digital dan pemikiran kritis dalam kalangan tenaga kerja muda. Selain itu, bakat dan tenaga mahir berhijrah ke luar negara juga merupakan satu kerugian kepada negara kerana negara bergantung pada pengetahuan serta pengalaman para pekerja mahir tempatan.

Persaingan ekonomi antarabangsa, perubahan iklim, dan kemajuan teknologi yang pesat menuntut daya saing yang tinggi. Krisis global seperti pandemik atau konflik geopolitik memberi kesan langsung kepada pembangunan negara.

Kesimpulannya, kejayaan merealisasikan wawasan negara bergantung pada komitmen bersama rakyat dan pemimpin dalam mengamalkan nilai integriti, perpaduan, inovasi dan tanggungjawab sosial untuk mencapai kemajuan seimbang dan berkekalan.

- **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Bersatu padu merealisasikan aspirasi negara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mempengerusikan Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mengambil maklum bahawa langkah - langkah susulan daripada Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama bagi

Tahun 2025 telah dilaksanakan melalui Mesyuarat - mesyuarat Koordinasi Wawasan Brunei 2035 serta perbincangan di peringkat Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Manpower, Social dan Economic.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menekankan KPI dalam Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 hendaklah mencerminkan keutamaan negara yang relevan, strategik dan menyeluruh kerana KPI berkenaan bukan sahaja menjadi asas kepada proses pembuatan keputusan yang berkesan, malah turut berfungsi sebagai panduan dalam menilai kemajuan negara.

Baginda seterusnya bertitah bahawa penyelarasan merupakan elemen yang kritikal bagi menentukan pelaksanaan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation, termasuk memastikan penyelarasan KPI sebagai satu sistem yang bersatu padu dan sumbangan tindakan dapat dikesan dalam pencapaian aspirasi negara.

Selain itu, baginda menyeru agar pihak-pihak berkepentingan tidak cuma memfokus kepada KPI masing-masing, dalam hubungan ini, kepimpinan menjadi penentu dalam memenuhi hala tuju, memacu pelaksanaan dan membuat keputusan kepada kejayaan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia selanjutnya menzahirkan harapan bagi mekanisme penetapan dan semakan semula KPI adalah berdaya tahan bagi membolehkan penilaian semula sasaran secara berkala dan diselaraskan dengan perubahan di luar jangkaan.

Dalam perkara ini, ukuran kejayaan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 bukan sekadar memenuhi sasaran tetapi pencapaian benar-benar dapat dirasakan oleh rakyat dalam kehidupan seharian yang mana inilah kejayaan yang sebenar.

Dalam konteks ini, Kebawah DYMM menekankan kepentingan bersatu padu dan menjadikan bidang-bidang utama pembangunan sebagai keutamaan dalam berhadapan dengan situasi ketidakpastian

global serta akan terus menjadi pemacu utama dalam merealisasikan aspirasi negara.

Baginda seterusnya bertitah Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 kekal sebagai dokumen strategik utama dalam memandu pembangunan negara menjelang tahun 2035.

Dengan pelaksanaan yang berkesan, didukung oleh KPI kebangsaan yang jelas serta tindakan yang terancang, baginda penuh yakin negara berada di landasan yang tepat untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Kebawah DYMM turut menzahirkan harapan bagi semua pihak untuk terus melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh iltizam, integriti dan akauntabiliti.

Komitmen yang berterusan dan kerjasama yang erat titah baginda lagi, akan memastikan Wawasan Brunei 2035 terus menjadi pemacu kepada kemajuan negara, seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran yang berkekalan bagi generasi masa kini dan akan datang.

BERANGKAT MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT SESI KHAS WAWASAN BRUNEI 2035



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035. Turut berangkat ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (atas dan kiri).

dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang

Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

>> Muka 4

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 yang berlangsung

di Istana Nurul Iman, di sini.

Turut berangkat ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat berkenaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

>> Muka 3

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan

mengurniakan titah. Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 antara lain membincangkan Kerangka Kerja

Wawasan Brunei 2035 secara terperinci bagi memastikan ia kekal relevan, *adaptable* dan berdaya tahan dalam apa jua

keadaan, khususnya dalam menangani cabaran ketidaktentuan geopolitik dan pergolakan di peringkat global.



MENTERI-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang hadir pada Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 (atas dan kanan).



BERANGKAT KE BRUNEI FITNESS CHALLENGE 2026



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Seramai 208 peserta menyertai Brunei Fitness Challenge 2026 (Mile Edition)

yang diadakan pagi tadi bertempat di Dar Takaful IBB, di sini. Berkenan berangkat ke

pertandingan berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan iaitu Women Open, Women Lite Below 39, Women Lite Above 50, Women Lite Above 40, Men Open, Men Lite Below 39 dan Men Lite Above 40.

Pertandingan ini merupakan anjuran Helmi Abdullah Fitness (HAF) dan disokong oleh Takaful Brunei.

Adapun matlamat diadakan pertandingan ini adalah untuk memberikan kesedaran orang awam dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk lebih peka terhadap isu-isu kesihatan fizikal dan menggalakkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke Brunei Fitness Challenge 2026 (Mile Edition) (atas dan kiri).

dalam kegiatan sukan dan riadah secara berterusan.

Selain itu juga, bagi memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama dalam kalangan

lapisan masyarakat serta memberi peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana bagi mempamerkan perniagaan mereka kepada orang ramai.

MEMASTIKAN KESELAMATAN TENAGA, KESTABILAN EKONOMI NEGARA TERUS TERPELIHARA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Menteri yang Bertanggungjawab bagi Tenaga menghadiri mesyuarat berkenaan secara dalam talian.

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Menteri yang Bertanggungjawab bagi Tenaga telah menghadiri Mesyuarat Sidang Kemuncak Asia Zero Emission Community Plus (AZEC+) secara dalam talian pada Rabu, 15 April 2026.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyampaikan penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Perdana Menteri Jepun, Puan Yang Terutama Sanae Takaichi, atas penganjuran Sidang Kemuncak AZEC+ yang penting ini.

Yang Berhormat turut menyampaikan kedudukan Negara Brunei Darussalam bahawa krisis kekurangan bekalan bahan api dan gangguan rantaian bekalan tenaga telah mengukuhkan keutamaan kecukupan tenaga dan mampu milik bahan api sebagai dasar teras negara.

Walaupun Negara Brunei Darussalam dalam kedudukan yang baik, negara tidak terlindung daripada kesan ini kerana ketidakstabilan harga telah memberi kesan kepada rakyat dan industri.

Negara Brunei Darussalam



MESYUARAT Sidang Kemuncak Asia Zero Emission Community Plus (AZEC+) secara dalam talian pada Rabu, 15 April 2026.

tambahnya, menyokong pendekatan yang seimbang dan kekal komited untuk mempercepatkan sumber tenaga alternatif termasuk tenaga boleh diperbaharui pada kadar yang seiring mengikut keperluan dalam negeri sambil mengekalkan pelaburan dalam sektor minyak dan gas.

Sebagai pengeluar tenaga yang stabil dan boleh dipercayai, Negara Brunei Darussalam menggariskan bahawa sebarang inisiatif serantau mestilah inklusif, seimbang, membawa manfaat bersama, dan menghormati keselamatan bekalan tenaga dalam negeri masing-masing.

Sidang Kemuncak ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri Jepun, yang menekankan bahawa negara-negara yang

paling terkesan akibat gangguan rantaian bekalan berkenaan adalah negara-negara di rantau Asia, dan oleh itu menyeru keperluan memperkukuhkan kerjasama serantau dalam menghadapi cabaran keselamatan tenaga. Jepun mengumumkan pakej sokongan Partnership of Wide Energy and Resources Resilience Asia (POWER Asia) bernilai 1.5 trilion yen (USD10 bilion), yang merangkumi pembiayaan kecemasan serta sokongan bersifat struktural.

Perdana Menteri Jepun turut mengumumkan bahawa AZEC akan dinaiktaraf, yang mana daya tahan ekonomi dan tenaga akan digabungkan dengan elemen penyahkarbonan, pertumbuhan ekonomi, dan keselamatan tenaga.

Cadangan tersebut disambut baik oleh para pemimpin, menteri, dan ketua pertubuhan antarabangsa dan turut mengongokan kesan gangguan bekalan bahan api terhadap ekonomi negara masing-masing.

Selain itu, mereka menyeru tindakan serantau yang lebih kukuh melalui mekanisme ASEAN sedia ada, pengukuhan daya tahan rantaian bekalan, serta mempercepatkan peralihan tenaga.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Sidang Kemuncak ini mencerminkan komitmen berterusan negara dalam menyokong kerjasama serantau sambil memastikan keselamatan tenaga dan kestabilan ekonomi negara terus terpelihara.

Allah tempat kita berharap, memohon, bersandar sepenuhnya

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Allah Subhanahu Wata'ala mengajar kita agar sentiasa bergantung sepenuhnya kepada-Nya dengan memohon empat perkara utama, iaitu petunjuk, makanan, pakaian dan keamanan.

Ini kerana hakikat manusia sentiasa berada dalam kesesatan tanpa hidayah-Nya, dalam kelaparan tanpa kurnia rezeki-Nya, dalam kekurangan tanpa pemberian-Nya serta tidak pernah terlepas daripada dosa.

Maka hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala tempat kita berharap, memohon dan bersandar sepenuhnya.

Demikian antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Dayang Nur Fairuza Syahirah binti Haji Marsidi, bagi menyerikan Malam Munajat (Khas untuk Wanita Ke-34) anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-225 baru-baru ini.

Menyemarakkan acara Malam Munajat berkenaan ialah Ahli-ahli Persatuan Kebajikan Wanita Khyraa Imtiyaz, Program Keugamaan Belia, KHEU; serta warga kerja wanita KHEU dan juga individu yang mengikuti program berkenaan secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat (Khas untuk Wanita Ke-34) berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah

Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Bahagian Keugamaan Persatuan Kebajikan Wanita Khyraa Imtiyaz, Program Keugamaan Belia, KHEU, Dayang Hajah Nurul Aina binti Haji Lamit, yang bersiaran dari Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).


Diikuti dengan bacaan Surah Ar-Rahman beramai-ramai yang dipimpin oleh Bendahari Persatuan Kebajikan Wanita Khyraa Imtiyaz, Program Keugamaan Belia, KHEU, Dayang Hajah Farizah binti Haji Kampong@Haji Kamaluddin.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Bahagian Aktiviti dan Kebudayaan Persatuan Kebajikan Wanita Khyraa Imtiyaz, Program Keugamaan Belia, KHEU, Dayang Noraziera binti Haji Ismail.

Sejurus selesai tazkirah, program diteruskan dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Dayang Nurul Hazimah binti Hamdan, Ahli Persatuan Kebajikan Wanita Khyraa Imtiyaz, Program Keugamaan Belia, KHEU.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Wanita Khyraa Imtiyaz, Program Keugamaan Belia, KHEU, Dayang Noorazlina binti Haji Tamin.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui



ANTARA yang hadir pada Malam Munajat (Khas untuk Wanita Ke-34) anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-225.

amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta

seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan

diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheuwanita>.

PEMODA MENYATUPADUKAN PENGGEJAR MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Anugerah Khas 30 Tahun PEMODA (atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) telah mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-30 dengan penuh meriah, yang berlangsung di Bilik Serbaguna dan Skydeck Garden, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), petang tadi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Doa Kesyukuran sebagai tanda kesyukuran atas pencapaian persatuan sepanjang tiga dekad penubuhannya yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Kasat, Pengiran Muhammad Amiruddin bin Pengiran Haji Tengah.

Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad dalam ucapannya menekankan bahawa ahli-ahli yang aktif

merupakan aset penting dan jentera utama dalam memastikan pelaksanaan misi persatuan berjalan dengan efektif ke arah mencapai visi untuk melahirkan ahli-ahli yang berkualiti, beretika dan berdisiplin serta mendukung Wawasan Brunei 2035.

Jelasnya, Jawatankuasa Tadbir Sesi 2024 hingga 2026 kini sedang merangka Pelan Strategik 2026 hingga 2030 yang dijangka akan dilancarkan pada tahun ini sebagai panduan hala tuju persatuan pada masa akan datang.

Pengiran Haji Redzuan turut mengimbas kembali penubuhan PEMODA pada 18 April 1996 sebagai persatuan motosikal pertama yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam (NBD), bermula dengan hanya 30 penunggang motosikal berkuasa tinggi yang berhasrat menyatupadukan komuniti berkenaan di negara ini.

Dengan moto 'Bersepadu' katanya, PEMODA terus berkembang seiring dengan arus pemodenan dan kini diiktiraf sebagai antara persatuan motosikal tertua dan terbesar di negara ini serta di Kepulauan Borneo.

"Penglibatan aktif persatuan dalam acara kenegaraan, konvoi luar negara dan pelbagai aktiviti permotoran turut menyulitkan peranan dan sumbangannya yang signifikan.

"Sehingga kini, PEMODA mempunyai seramai 1,198 ahli berdaftar yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dalam menyokong perancangan jangka panjang persatuan," ujarnya lagi.

Menurutnya lagi, profesionalisme serta dedikasi ahli-ahli telah memberikan impak positif dalam memastikan kesinambungan kepimpinan dan kemajuan persatuan.

Pengiran Haji Redzuan juga

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



menegaskan bahawa sokongan berterusan daripada ahli-ahli serta sumbangan pemimpin terdahulu, termasuk mantan Yang Dipertua dan ahli-ahli jawatankuasa tadbir, merupakan kunci kejayaan dalam menerajui hala tuju persatuan.

Tambahnya, misi PEMODA adalah untuk menyatupadukan penggejar motosikal berkuasa tinggi di negara ini dengan membentuk satu pasukan yang bermutu tinggi bagi menyertai serta mewakili negara dalam acara permotoran di peringkat serantau dan antarabangsa.

Majlis diteruskan lagi dengan upacara memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-30 PEMODA, diikuti dengan jamuan ringan bagi para jemputan yang hadir.

Kemuncak acara ialah penyampaian Anugerah Khas 30 Tahun PEMODA yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia

Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya kepada seramai 13 penerima.

Turut diadakan ialah penyampaian lencana Elite Rider serta Anugerah Best Attire dan Best Motorcycles yang disempurnakan oleh Yang Dipertua PEMODA.

Majlis berkenaan mencerminkan penghargaan terhadap sumbangan ahli-ahli serta komitmen berterusan PEMODA dalam memupuk semangat perpaduan dan keselamatan dalam kalangan komuniti penunggang motosikal di NBD.



Mempererat perpaduan, ukhuwah sempena Hari Raya

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Unit
Kemasyarakatan Kejiranan
Polis, Focal Point Balai Polis
Berakas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Suasana Hari Raya Aidilfitri masih terasa bahang kemeriahannya di sanubari umat Islam walaupun telah sampai ke penghujungnya.

Sehubungan dengan itu, Unit Kemasyarakatan Kejiranan Polis, Focal Point Balai Polis Berakas dengan Kerjasama Mukim Berakas 'A', Mukim Berakas 'B' dan Mukim Gadong 'A' hari ini menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Kemasyarakatan 1, Jalan 2, Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis. Diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya menikmati jamuan.

Bagi menyeronokkan majlis, acara



SESI bergambar ramai pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Kemasyarakatan 1, Jalan 2, Lambak Kanan anjuran Unit Kemasyarakatan Kejiranan Polis, Focal Point Balai Polis Berakas dengan Kerjasama Mukim Berakas 'A', Mukim Berakas 'B' dan Mukim Gadong 'A'.

diisikan dengan persembahan nyanyian lagu raya.

Tetamu kehormat majlis juga dibawa berkunjung ke reruai

pameran dan seterusnya beramah mesra bersama para jemputan yang hadir.

Majlis seumpamanya dihasrat

dapat mempererat perpaduan dan ukhuwah dalam merayakan Hari Raya Aidilfitri.

Dengan adanya sambutan

berkenaan akan dapat mengeratkan lagi silaturahim di samping dapat bermaaf-maafan di bulan Syawal.

MAJLIS BACAAN SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA 25 TAHUN PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir pada Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Doa Tahlil yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali.

Juga hadir, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di bawah Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 1

Hadir ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Mohammad Shah bin Haji Taip.

Majlis antara lain bertujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai keagamaan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, di samping memohon keberkatan serta keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tetap teguh memupuk keamanan, mempromosi keharmonian sosial

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



Ke-152 yang berlangsung di Istanbul, Republik Türkiye pada 15 hingga 19 April 2026.

Dalam sesi perbahasan perhimpunan yang berkaitan tema perhimpunan, iaitu 'Memupuk Harapan, Menjamin Keamanan dan Menegakkan Keadilan untuk Generasi Akan Datang' (*Nurturing hope, securing peace and ensuring justice for future generations*), Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku ketua rombongan telah menyampaikan kenyataan rasmi.

Yang Berhormat menyampaikan bahawa berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara tetap teguh dalam memupuk keamanan,

mempromosi keharmonian sosial, dan memajukan pembangunan mampan.

Kenyataan berkenaan juga menekankan akan peranan penting tadbir urus yang telus, pembangunan mampan serta pelaburan dalam belia sebagai asas membina masa depan yang inklusif. Kenyataan Negara Brunei Darussalam (NBD) juga memberikan penekanan khusus terhadap situasi kemanusiaan yang membimbangkan di Timur Tengah, khususnya di Palestin.

Yang Berhormat menyuarakan kebimbangan mendalam terhadap kehilangan nyawa dan kemusnahan infrastruktur asas yang menjejaskan kehidupan harian rakyat. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menggesa bagi pemberhentian segera keganasan, perlindungan penuh terhadap orang awam, serta memastikan akses bantuan kemanusiaan disalurkan tanpa sebarang halangan.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa penyelesaian yang adil dan berkeadilan perlu berlandaskan



YANG Berhormat Ahli-ahli MMN mewakili MMN bagi menghadiri Perhimpunan Agung Inter-Parliamentary Union (IPU) Ke-152 yang berlangsung di Istanbul, Republik Türkiye pada 15 hingga 19 April 2026 (atas). Sementara gambar bawah kiri, sesi bergambar ramai pada perhimpunan berkenaan.

undang-undang antarabangsa, menghormati hak asasi manusia dan keselamatan rakyat terutamanya di Gaza. Ke arah itu, NBD menegaskan sokongan berterusan terhadap multilateralisme serta usaha kolektif masyarakat antarabangsa dalam memastikan keamanan, keadilan dan kestabilan global demi generasi akan datang.

Perhimpunan Agung IPU Ke-152 menghimpunkan 2,000 ahli parlimen dari seluruh dunia untuk membincangkan isu-isu global berkaitan keamanan, hak asasi manusia dan tadbir urus demokratik.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Delegasi MMN telah menghadiri beberapa sesi Jawatankuasa Tetap (Standing Committee) yang berkaitan dengan pembangunan mampan

(Sustainable Development), keamanan dan keselamatan dunia (Peace and International Security) dan Hal Ehwal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Affairs).

Ahli-ahli MMN juga menyertai mesyuarat dan forum khas termasuk Forum Ahli Parlimen Wanita (Forum of Women Parliamentarians), Forum Ahli Parlimen Muda (Forum of Young Parliamentarians), Mesyuarat Kedua Kumpulan Parlimen Menyokong Palestin (2nd Meeting of the Group of Parliaments in Support of Palestine) dan sesi 'Special session on advancing the two-State solution for Israel and Palestine'.

Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, yang juga menghadiri Mesyuarat Association of Secretaries General of Parliaments (ASGP).



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa berucap pada perhimpunan berkenaan.

ISTANBUL, Sabtu, 18 April. – Delegasi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri Perhimpunan Agung Inter-Parliamentary Union (IPU)

BENGKEL IKEBANA KONGSI SENI GUBAHAN BUNGA JEPUN



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyertai bengkel tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

LAMBAK KANAN, Sabtu, 18 April. - Ikebana merupakan seni tradisional Jepun dalam menggubah bunga yang menekankan keharmonian, keseimbangan dan kesederhanaan.

Ia sering menampilkan penggunaan bunga yang minimalis disertai dengan ranting dan daun, dengan memberi penekanan

kepada garisan dan ruang dalam susunan berkenaan.

Sehubungan itu, Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) petang tadi menganjurkan Bengkel Ikebana (seni gubahan bunga Jepun), bertempat di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3C), Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka.

Seramai 40 peserta telah mempelajari dan mengalami sendiri seni gubahan bunga daripada seorang pengajar Ikebana Sogetsu yang bertauliah dari Jepun.

Bengkel berkenaan dikendalikan oleh Taniguchi Chieko, yang memulakan pengajian dalam Ikebana Sogetsu pada 1984 dan sejak itu telah menumpukan dirinya untuk memperhalusi teknik serta kepekaan artistiknyanya.

Beliau juga telah menyumbang kepada pendidikan generasi muda dengan mengajar Ikebana di sebuah sekolah profesional yang mengkhususkan dalam bidang perniagaan bunga serta mengajar kelas diplomat di Kementerian Luar Negeri Jepun.

Selain daripada kerjayanya di Jepun, Taniguchi Chieko turut terlibat dalam demonstrasi dan aktiviti pengajaran di peringkat antarabangsa seperti di Shanghai dan Beijing, Republik Rakyat China, dengan berkongsi keindahan serta falsafah Ikebana.



TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe

NBD tuan rumah FAO APRC Ke-38

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC).

Persidangan berprestij ini merupakan wadah utama bagi perbincangan dasar di peringkat serantau yang menghimpunkan menteri-menteri pertanian, Ketua Pengarah FAO serta pegawai kanan dari 44 Negara Anggota FAO bagi membincangkan isu jaminan makanan dan memperkukuh kerjasama strategik serantau.

Penganjuran julung kali oleh Negara Brunei Darussalam ini bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-80 penubuhan FAO, sekali gus mencerminkan keyakinan masyarakat

antarabangsa terhadap komitmen negara dalam memajukan pembangunan sektor agrimakanan yang mampan.

Pada masa yang sama, ia membuka peluang strategik untuk mempamerkan keunikan tradisi, memperkenalkan produk tempatan serta mengetengahkan kemajuan sektor makanan negara, di samping memperkukuh jaringan kerjasama dalam memajukan agenda jaminan makanan, pertanian mampan dan pembangunan luar bandar di peringkat serantau Asia dan Pasifik serta global.

Persidangan yang diadakan setiap dua tahun ini akan dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan pada 20 hingga 22 April 2026, diikuti oleh Persidangan Peringkat Menteri selama dua hari bermula pada 23 hingga 24 April 2026.

Selain sesi persidangan, atur

cara program juga turut diserikan dengan Majlis Makan Malam serta program lawatan, yang memberi peluang kepada para delegasi untuk mengenali dengan lebih dekat keunikan, kemajuan pembangunan dan warisan budaya Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebahagian daripada persidangan ini, forum bertajuk 'Asia Pacific Food Forum' akan turut diadakan pada 22 April 2026, yang akan menjadi platform penting bagi para delegasi untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan keselamatan makanan, inovasi dalam sektor agrimakanan, serta peluang kerjasama serantau.

Dalam suasana global yang semakin mencabar akibat perubahan iklim, ketidakpastian ekonomi dan konflik geopolitik yang menjejaskan kestabilan rantaian bekalan makanan serta input pertanian, persidangan ini amat tepat pada masanya.

Perkembangan ini menuntut kerjasama yang lebih erat antara

negara-negara anggota bagi memperkukuh daya tahan sistem agrimakanan, meningkatkan produktiviti, serta memastikan bekalan makanan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Matlamat utama persidangan ini adalah untuk membincangkan isu-isu kritikal berkaitan makanan, di samping meningkatkan kesepaduan serantau serta merangka hala tuju kerja FAO di rantau Asia dan Pasifik dan di peringkat global.

Persidangan ini juga menjadi wadah penting bagi pertukaran pengalaman, perkongsian amalan terbaik dan penyelarasan tindakan strategik dalam menangani cabaran jaminan makanan, pertanian lestari, pembangunan luar bandar, transformasi sistem agrimakanan serta tindakan iklim.

Hasil perbincangan strategik antara para menteri dan pegawai kanan dijangka akan memberikan panduan penting kepada keutamaan FAO di rantau ini, di samping menyumbang kepada

perbincangan dan keputusan pada persidangan FAO di peringkat antarabangsa.

Penganjuran ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mentransformasikan sektor agrimakanan sebagai salah satu pemacu kepelbagaian ekonomi ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Persidangan ini diharap dapat merumuskan pelan tindakan yang substantif serta berimpak tinggi, khususnya dalam aspek pemindahan teknologi, peningkatan produktiviti, pengukuhan daya tahan sistem makanan, dan peluasan kerjasama teknikal yang dapat memberi manfaat kepada pembangunan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan di Negara Brunei Darussalam dan rantau ini secara keseluruhannya.

PERASMIAN PAPAN TANDA KETUA KAMPUNG DBM



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. – Majlis Perasmian Papan Tanda Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan petang tadi bagi lima jawatan ketua kampung yang telah diisi secara tetap bertempat di kediaman masing-masing.

Terdahulu itu, majlis perasmian tersebut diadakan di kediaman Ketua Kampung Pengkalan Batu, Awang Muhamad Waie bin Haji Selamat.

Majlis diteruskan pula di kediaman Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Mohammad Asrin bin Haji Bakar.

Seterusnya, majlis berlangsung di kediaman Ketua Kampung Lupak Luas dan Tarap Bau, Awang Haji Samry bin Haji Mohamad Ya'akub.

Setelah itu, majlis perasmian diadakan di kediaman Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 2, Awang Haji Muhammad Wafil Wafee bin Haji Ramlee.

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir menyempurnakan perasmian papan tanda di kediaman ketua-ketua kampung berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas kiri dan atas).

Majlis perasmian kemudian diakhiri di kediaman Ketua Kampung Anggerek Desa dan Pulaie, Awang Muhammad Zarith Hanafi bin Haji Abdul Rahim.

Perasmian papan tanda di

kediaman ketua-ketua kampung berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung beserta penduduk mukim dan kampung masing-masing.

Sambutan Hari Raya eratkan silaturahmi warga sekolah, ibu bapa PGGMB KB



SESI bergambar ramai pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diungkuayahkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (STJ PGGMB), Kuala Belait (KB) (atas). Manakala gambar bawah, antara persembahan pada sambutan berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Ihsan Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei, Kuala Belait

BELAIT, Sabtu, 18 April. - Syawal yang kini berada di penghujungnya masih disambut dan dimeriahkan dengan acara-acara Sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (STJ PGGMB), Kuala Belait (KB) juga tidak ketinggalan dalam sama-sama meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri hari ini yang diungkuayahkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

Sambutan Hari Raya berkenaan didahului dengan Lagu Kebangsaan dan Lagu Sekolah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran serta ucapan daripada Guru Besar Sekolah.

Acara sambutan turut dimeriahkan lagi dengan persembahan murid-murid Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3 dan murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6.

Dalam ucapan alu-aluan

mengungkuayahkan acara berkenaan dan seterusnya peluang kepada murid-murid menyatakan rasa terima kasih kepada guru-guru mereka.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB, ibu bapa dan penjaga, guru-guru serta murid-murid sekolah.



PAKATAN anjur Sambutan Hari Raya Aidilfitri



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 18 April. – Meskipun bulan Syawal hampir melabuhkan tirainya, namun Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus sahaja diraikan oleh pelbagai pihak.

Sehubungan itu, Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN) petang tadi mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri persatuan berkenaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, Sungai Basong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Yang Dipertua PAKATAN, Awang Haji Aminorashid bin Haji Ghazali dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa walaupun di sebalik kesibukan dan di tengah usia warga emas serta kesihatan para ahli PAKATAN, namun mereka memilih juga untuk hadir ke majlis berkenaan dan bermaafan di hari yang penuh meriah itu.

Majlis berkenaan diserikan lagi dengan beberapa persembahan nyanyian dan pantun ria raya serta cabutan nama bertuah dalam kalangan para ahli yang hadir.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian Derma Tabung Anak-anak Yatim Daerah Tutong yang disempurnakan oleh Yang Dipertua PAKATAN dan diserahkan kepada tetamu kehormat majlis.

Antara lain tujuan majlis diadakan adalah bagi mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan Ahli-ahli PAKATAN.

AWANG MUHAMMAD ASYRAF CALON KETUA KAMPUNG MENTIRI

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MENTIRI, Ahad, 19 April. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Mentiri, Mukim Mentiri berlangsung di Dewan Serbaguna, Kelab Perkhidmatan Awam, di sini, dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Jumaat, 17 April 2026 yang lalu.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat III, Masjid Kampung Mentiri, Awang Haji Sanip bin Haji Nassar.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Mentiri, Mukim Mentiri menyaksikan Awang Muhammad Asyraf bin Asli, mendapat sebanyak 156 undian setuju.

Awang Muhammad Asyraf, berusia 34 tahun, menetap di Kampung Mentiri sejak 33 tahun yang lalu dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Syariah) dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada 2016.

Beliau pernah berkhidmat di Serikandi Oilfield Services.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei

dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa hadir pada majlis tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok (atas sekali kanan). Manakala gambar atas, majlis berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Kelab Perkhidmatan Awam.

MPK Penanjong, PERDA anjur Sambutan Hari Raya

TUTONG, Ahad, 19 April. - Majlis Perundingan Kampung Penanjong dan Persatuan Pemuda Pemuda Kampung Penanjong (PERDA) telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan dengan penuh meriah berlangsung di Pantai Persiaran Pengkalan Pinang Penanjong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis pagi itu diserikan dengan persembahan nyanyian Hari Raya dan tarian persembahan daripada keluarga Tunggal Sairah.

Pada majlis itu, tetamu kehormat dipelawa bagi berkunjung ke kem-kem Rumah Terbuka Keluarga dan beramah mesra bersama ahli keluarga yang terlibat di setiap kem berkenaan.

Penganjuran majlis tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung, di samping menyediakan ruang untuk para penduduk kampung yang menyertai majlis tersebut untuk berkumpul dan berinteraksi dalam suasana yang penuh harmoni.

Keakraban dalam kalangan penduduk kampung jelas terserlah apabila mereka saling bertegur sapa dan bertukar cerita dalam suasana yang mesra dan santai. Hubungan yang terjalin ini mencerminkan semangat kekitaan yang tetap teguh dalam masyarakat kita.

Secara umumnya, sambutan tersebut bukan sahaja menambahkan kemeriahan suasana Hari Raya, bahkan turut



SEKITAR Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Pantai Persiaran Pengkalan Pinang Penanjong (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

mempererat hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk serta mengekalkan keharmonian Kampung Penanjong.



Wadah memperkukuh ikatan silaturahim, semai semangat kekeluargaan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

TUTONG, Sabtu, 18 April. - Suasana penuh kemeriahan dan muhibah jelas terserlah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran bersama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Ukong dan Takmir Masjid Kampung Bukit dengan kehadiran lebih 200 orang penduduk kampung dan sekitarnya.

Majlis sambutan berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Bukit, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pemangku Imam Masjid Kampung Bukit, Awang Muhd. Jilimi bin Muhd. Solihen.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, majlis seumpama berkenaan bukan sekadar tradisi tahunan sempena Aidilfitri, malah menjadi wadah penting untuk memperkukuh ikatan silaturahim, menyemai semangat kekeluargaan dan memupuk perpaduan dalam kalangan warga mukim dan kampung.

Menurut Yang Berhormat lagi, inilah ruang untuk kita bermaaf-maafan, memperbaharui persahabatan serta mengeratkan hubungan yang telah lama terjalin.

"Mudah-mudahan sambutan kali ini menjadi pemangkin ke arah Mukim Ukong yang lebih bersatu, harmoni, dan saling mengenali antara satu sama lain.

"Marilah kita mengambil keberkatan Syawal ini untuk terus mengamalkan budaya kunjung-mengunjungi, bertolak ansur dan bekerjasama demi kemajuan mukim yang kita kasihi.

"Semoga keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati akan kekal terpelihara dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala," ujar Yang Berhormat.

Tetamu kehormat majlis kemudiannya berkunjung Hari Raya ke Rumah Terbuka tiga buah kampung, iaitu Kampung Long Mayan, Kampung Bukit dan Kampung Ukong serta melawat pameran Balai Galeri.

Selain menikmati pelbagai hidangan jamuan Hari Raya, majlis juga diserikan dengan pertandingan nyanyian dan persembahan pentas.

Juga hadir pada majlis berkenaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai Jabatan Daerah Tutong, penasihat MPM dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mukim Ukong, serta Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara MPM dan MPK Mukim Ukong.

سورة سري

صحابت سجاتي: تمان ددنيا، فمن دأخيرة

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله ﷺ وبقال دغن منيغكتن كيلمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ فاليج مليا دسيسي الله ﷺ وبقال ايت اياه اورغ يغ فاليج برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ وبقال، براوله كحيان دان كسلامن ددنيا دان جوك دأخيرة. الله ﷺ وبقال برفرمان دالم سورة الفرقان آية ٢٧ هيغك ٢٩:

دان فد هاري اورغ يغ ظالم معكيت كدوا-دوا تاغنن (كران مهسلي فربواتن) سمبل بركات: "الفكه بايكن كالوا اكو (سماس دنيا دهول) مغميل جانن يغ بنر برسام-سام رسول." "ادوهاي جلاكن اكو الفكه بايكن كالوا اكو تيدق مغميل سي قولن (يغ مهسكن) ايت منجادي صحابتي يغ ستيا." "سسوغكوهن دي تله مهسكن اكو درقد فرايغن (القرآن) ستله اي سمفاي كقدكو. دان اداله شيطان ايت سنتياس معجواكن مانسي."

جماعه يغ درحمي الله،

آكام اسلام تله ميريكن كاريس فندوان يغ جلس دالم فركاولن سمام انسان. دالم ستياف توتور كات دان فرغوان، كيت داجر اونوق منجاك لسان، موليكن اداپ دان ميمقورناكن اخلاق. سسوغكوهن فركاولن يغ برترسكن اداپ دان احسان اكن ملاهيكن مشاركت يغ سجهرا، دهياسي كاسيه ساينغ دان ساليغ حرمت-معحرمي انتارا ساتو سام لاين.

اقبل كيت بريجارا مغناي فركاولن، قستين تيدق لغكف تنقا ميبينجفنن مغناي صحابتي، كاوان اتاوقون تمان كران مريكله انتارا انسان يغ فاليج راقن دغن كيت سلسل كوارك. سب ايت، اداله فتيج اونوق كيت منجاري دان ميلميه صحابتي يغ بايك دان براخلاق مولي. اين كران مريك ممغو ممقاروهي سيكف، جارا برفيكر بهيكن ماس دغن كيت. درقد أبو موسى الأشعري ﷺ وبقال، درقد نبي ﷺ وبقال، بكندا برسيدا يغ برمقصود: سسوغكوهن فراقومقامان تمان يغ بايك دان تمان يغ بوروق اداله سفرتي فنحوال ميبق واغي دان توكنغ بسي يغ منيوف آئي. فنحوال ميبق واغي، سام اد دي اكن عمري مو (ميبق واغي ايت)، اتاو كامو ممبلي درقدن، اتاو كامو اكن مندافت باو هاروم درقدن. مانا كلا توكنغ بسي يغ منيوف آئي فولا، سام اد دي اكن مياكر فكاين مو، اتاو كامو اكن مندافت باو يغ بوسوق درقدن. {حديث رواية امام مسلم}

جماعه يغ درحمي الله،

امام الشافعي رحمه الله فرنه برفنن: "جك اغكاو فوبا تمان يغ سلالو ممبتو مو دالم مراغكا كطاعتن كقد الله ﷺ وبقال، مك فكلغه دي ايرت-ايرت،

جاغن فرنه كاو لفسكنن. كران منجاري تمان يغ سبايك ايت سوسه، تتاي ملقسكنن ساغت موده سكاللي."

صحابتي يغ بايك بوكن هان حاضر كتيك سنغ، بهيكن يراني منكور دغن حكمه كتيك مليهت ككورغن فد ديري سوداران. تكورن ايت بوكن انتوق ميوكا عيب، تتاي انتوق مقربايقي كادان دان ميلامتنن سوداران درقدن كسلفن. اوله ايت صحابتي سجاتي اياه اورغ يغ اخلاص منصيحي، منوتوف عيب سوداران، ممبتو كتيك سوسه دان مياوا سوداران ليه دكت كقد الله ﷺ وبقال. درقد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: الْمُؤْمِنُ مِرَّةً الْمُؤْمِنِ، وَالْمُؤْمِنُ أَخُو الْمُؤْمِنِ، يَكْفُ عَلَيْهِ صِيغَتَهُ وَيَحُوطُهُ مِنْ وَرَائِهِ. مقصودن: ساورغ مؤمن اداله جرمين باكي مؤمن يغ لاين. دان ساورغ مؤمن اداله سودارا باكي مؤمن يغ لاين. دي منجاك كفتينغن دان مليندوغيغن دري بلاكفن. {حديث رواية امام أبو داود}

امام الغزالي رحمه الله دالم كتابن احياء علوم الدين منحلسكن بهوا صحابتي يغ بايك اياه صحابتي يغ ميمليكي براف صفة اوتام.

فرتام: برعقلن دان بيحفسان، اكر نصيحتن مياوا منفعة.

كدوا: بايك اخلاقن، سوافي فرصباين ايت تريننا اتس اداپ دان حرمة. كتيك: صالح دان برتقوي، اكر كيت ديمبيغ كقد كريضان الله ﷺ وبقال. كامفت: تيدق طمع كقد دنيا، سوافي هوبوغن تيدق دجيري كفتينغن دنياوي.

كليما: جوجور دان امانه، اكر فرصباين ديننا اتس كقرجاين.

سلاين ايت، امام الغزالي رحمه الله جوك اد مغكاريسكن مغناي اداپ-اداب دالم فرصباين يغ قولو دعملكن، انتاران:

فرتام: مولاي ميري سلام كتيك برغو.

كدوا: مهمي دان ممبتو تنقا قولو دميننا، بتوله اتس داسر تغكوغجواب دان كاسيه ساينغ.

كتيك: ميمبوييكن رهسيا دان منوتوف عيبن اداله تندا فرصباين يغ سجاتي.

كامفت: جاديله فندرغ يغ بايك، بريكن رواغ اونوقن بريجارا دان جاغن موبوغن فرجاكفن. ايتوله انتارا تندا حرمت دان ايقفاتي.

كليما: معافكن كسيلفنن دان جاغن مسكالي منجاين.

كام: مندعاءكنن. انتارا تندا أخوة سجاتي اداله اقبل كيت مندعاءكن صحابتي تنقا فغتهوانن، سام اد كتيك دي ماسيه براد دسيسي كيت، ماهوقون

ستله دي كمبالي كرحمة الله. درقد أبو الدرداء رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا يغ برمقصود: دعاء ساورغ مسلم اونوق سوداران (يغ لاين) سجارا ديام-ديام اداله مستجب. داتس كفلان اد ملاككة يغ دنوكسكن، ستياف كالي دي مندعاءكن سوداران دغن كبايكن، ملاككة ايت

بركات: آمين، دان اغكاو فون اكن ممقراويه سفرتي يغ اغكاو اوجفنن. {حديث رواية امام مسلم}

بكتوله نيلاي فرصباين كران الله ﷺ وبقال. فرصباين يغ ديننا اتس ايمان، تقوي دان عمل صالح بوكن هان مياوا كبايكن ددنيا، بهيكن برتروسن هغك كاخيرة. صحابتي يغ ساليغ مغايغتنن كقد كبايكن، ساليغ مندعاءكن دان ساليغ ميمقين منوجو كطاعتن اكن منجادي اسبب كسلامن انتارا ساتو سام لاين دغن اذن الله ﷺ وبقال.

جماعه يغ درحمي الله،

بكتوله انوكره ترينده دالم كهيدوفن اين اقبيل ممقواي صحابتي يغ بوكن هان حاضر دسيسي كتيك سوكا دان دوكا، تتاي جوك ميمبيغ كيت كاره كبايكن دان رضاء ايله. نامون اندياي كيت بلوم دفرغوكن دغن صحابتي سفرتي ايت، مك كيت مولانكده دغن منجادي انسان دان صحابتي يغ بايك ترليه دهولو. سسوغكوهن دغن اذن دان رحمة الله ﷺ وبقال جوا، انسان يغ بايك اكن مناريق كحاضرن اورغ-اورغ يغ بايك جوك.

سسوغكوهن صحابتي سجاتي ايت بوكن هان دجاري دغن مات، تتاي

جوك دكفلي دغن هاتي. صحابتي يغ بايك تيدق سمستين سمقورنا كران مريك جوك انسان ياسا يغ اد ككورغن. نامون، ساعت كيت له، مريكله يغ مغمولور تاغن اونوق مغواتكن. ساعت كيت ترستت، مريك حاضر منوغوفكن جانن. مريك ميدركن سيات ديري كيت، بوكن دغن منجلا، تتاي دغن ميقينن بهاوا كيت ممغو منجادي انسان يغ ليه بايك. مريك ميريكن كيت اينسفيراسي دالم ديام، والاوقون تراكداغ مريك سنديري تيدق ميدرين. مريك مندعاءكن كيت دالم سيف، والاوقون كيت تيدق فرنه ممبتان دان مريك صير ميمقين كيت منوجو كجانن كبايكن كران مريك يقين بهاوا كيت جوك ممغو منجادي همبا يغ ليه دكت كقد الله ﷺ وبقال.

اخيرن، ماريله كيت سام-سام منشوكوري نعمت فرصباين يغ الله ﷺ وبقال انوكرهكن. فرصباين بوكن سقدر فغوات لغكه دالم منمقوه اوجون دنيا، تتاي جوك جهاي يغ منوتون كيت منوجو شرك دأخيرة سان. سموك كيت سموا، برسام صحابتي-صحابتي يغ كيت كاسيهي، دكورنياكن حسن الخاتمة، دهيمقونكن دالم كالغن همبا-همبا يغ برلمان دان دكومفولكن برسام ددام شرك الله ﷺ وبقال يغ ككل ابادي. آمين يا رب العالمين.

صحابتي ٢ يغ ستيا فد هاري ايت سهباكيان مريك برموسوهن دغن سهباكيان يغ لاين كحوالي اورغ ٢ يغ برتقوي. {سورة الزخرف آية : ٦٧}

بارئنا لله لنا في القرآن العظيم، ونضعنا بالآيات والذكر الحكيم. و تقبل منا تلاوته إنه هو السميع العليم، وأسئله العظيم لي ولكم ولأسائر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فيما فوز المسد تغفرين ويأجأة التائبين.

BSP ANJUR MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. – Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP) baru-baru ini telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya di House 49 (kediaman rasmi Pengarah Urusan BSP), menghimpunkan pegawai-pegawai kanan kerajaan, pelanggan serta rakan niaga dalam suasana mesra

bagi meraikan perpaduan, kesyukuran dan kebersamaan.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat serta

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani, yang mencerminkan hubungan kerjasama kukuh dan semangat kolaborasi yang terus menyokong operasi serta sumbangan BSP kepada negara.

Majlis tersebut memberikan peluang kepada para tamu untuk beramah mesra dalam suasana santai dan meriah sambil menikmati juadah Hari Raya serta layanan budaya tempatan.

Ia juga menjadi platform bermakna untuk mengukuhkan hubungan dan merakamkan penghargaan kepada para pemegang taruh atas kepercayaan dan sokongan berterusan sepanjang 97 tahun operasi BSP dan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Acara ini turut menyaksikan sesi penyerahan sumbangan kepada 42 anak yatim daripada syarikat-syarikat usaha sama Brunei Shell (BSJV), yang diketuai oleh Pengarah Urusan BSP, Johan Atema dan Pengurus Sumber Manusia Brunei LNG, Rezona Tajudin.

Sumbangan tersebut merupakan hasil kutipan daripada kakitangan BSJV dan menekankan

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.



komitmen berterusan BSP terhadap tanggungjawab sosial serta kebajikan masyarakat.

Dalam ucapannya, Johan Atema berkongsi pandangannya dengan menyatakan, "Hari Raya adalah waktu yang bermakna untuk kita merenung nilai-nilai perpaduan, hormat-menghormati dan kebersamaan yang berakar dalam budaya Brunei dan tentunya

menikmati juadah yang sangat lazat.

"Di BSP, kami amat menghargai hubungan kukuh yang telah dibina bersama para pemegang taruh, rakan kongsi dan khususnya masyarakat umum. Melalui semangat kerjasama dan saling menghormati inilah kita terus berkembang dan menyumbang kepada negara".

Hargai nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Kota Batu

KOTA BATU, Sabtu, 18 April. - Majlis Sambutan Jalinan Ukhwah Aidilfitri Mukim Kota Batu telah menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat serta pemimpin setempat dalam suasana mesra dan penuh muhibah, baru-baru ini.

Majlis berkenaan dihadiri oleh tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh serta Ketua Kampung Subok.

Juga hadir ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Pengerusi Majlis, Awang Rasli bin Taram, Penghulu Mukim Kota Batu, berkata penganjuran majlis itu adalah sejajar dengan matlamat untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara institusi-institusi penting di bawah Mukim Kota Batu.

Ia termasuk Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Pemimpin Sekolah, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Pengawas Kejiranan serta persatuan-persatuan NGO.

"Majlis ini menjadi platform untuk semua pihak saling berkenalan, bertukar pandangan serta memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat," jelas Awang Rasli.

Selain itu, majlis berkenaan turut bertujuan menghargai jasa dan usaha gigih persatuan-persatuan NGO yang sentiasa menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan asas serta sumbangan kewangan kepada penduduk kampung, khususnya ketika bulan Ramadan.

Antara persatuan yang diberikan penghargaan ialah Persatuan Sukarelawan Kebajikan dan Kemasyarakatan, Lotus Light Charity Society serta Brunei Petroleum Authority atas sumbangan berterusan mereka kepada masyarakat setempat.

"Bagi pihak Mukim Kota Batu, saya merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana juman Aidilfitri dan sesi ramah mesra ini sekali gus mencerminkan semangat perpaduan serta kerjasama erat dalam kalangan penduduk Mukim Kota Batu," jelasnya.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh serta Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli MMN, Ketua Kampung Belimbing.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026
2. 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026
3. 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TAKLIMAT KESIHATAN PASTIKAN TAHAP KESIHATAN BAKAL JEMAAH HAJI



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU LINK, Ahad, 19 April. - Bagi memberikan panduan penjagaan kesihatan sebelum dan semasa menunaikan ibadat haji serta meningkatkan kesedaran mengenai langkah-langkah pencegahan penyakit ketika berada di Tanah Suci, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Taklimat Kesihatan bagi Bakal Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Taklimat berkenaan merupakan antara inisiatif KHEU melalui JUH dengan Kementerian Kesihatan sebagai persediaan awal bagi memastikan bakal jemaah haji berada dalam tahap kesihatan yang baik sebelum bertolak ke Tanah Suci. Selain itu, taklimat berkenaan juga bertujuan untuk memberikan maklumat berkaitan penjagaan kesihatan, khususnya bagi jemaah wanita serta menjelaskan perkhidmatan perubatan yang disediakan di Tanah Suci. Di samping itu, bakal jemaah haji turut diingatkan agar mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang ditetapkan

TAKLIMAT Kesihatan bertujuan untuk memberikan maklumat berkaitan penjagaan kesihatan, di samping itu juga turut mengingatkan para jemaah agar mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan ibadat haji.

oleh Kerajaan Arab Saudi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan ibadat haji. Taklimat disampaikan oleh Dr. Awang Haji Muhammad Nurhasanuddin bin Abdullah Kelali; dan Dr. Awang Haji Fakhruddin bin Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim melalui tajuk 'Taklimat Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan Perubatan di Tanah Suci'. Manakala taklimat 'Kesihatan Wanita' disampaikan oleh Dr. Dayang Rasita binti Haji Abdul Rahman; dan Dr. Dayang Hani Ariaty binti Haji Awang Tengah.

Bagi musim haji tahun ini, seramai 20 pegawai perubatan NBD terdiri daripada enam doktor dan 14 jururawat telah dilantik

sebagai Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) yang akan mengiringi bakal jemaah haji negara.

Majlis Silaturahmi Hari Raya memperkukuh perpaduan masyarakat

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Bersempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Kumpulan Syarikat Malar Setia seperti tahun-tahun sebelumnya telah mengadakan Majlis Silaturahmi sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) yang berlangsung pagi tadi di Dewan Pusat Ehsan Bengkurong, di sini.

Seramai 370 tetamu hadir pada majlis berkenaan terdiri daripada ahli lembaga, para pelajar yang diraikan, kakitangan dan tetamu undangan bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri berkenaan.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan, Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin; dan Pengarah Urusan Syarikat Perniagaan Malar Setia, Lim Chin Lam.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh wakil Pusat Ehsan, Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhiy yang antara lain menzahirkan ucapan penghargaan atas sokongan berterusan daripada semua rakan kongsi yang memainkan peranan yang cukup penting dalam sama-sama memeduli para pelajar yang diraikan.

Kemuncak acara majlis merupakan penyampaian sumbangan derma kepada tiga buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan Pengiran Datin Hajah Noraini menerima bagi pihak Pusat Ehsan, sementara bagi pihak Persatuan KACA pula diterima oleh Bendahari KACA, Awang Haji Roslan bin Haji Hassan, manakala bagi pihak Persatuan SMARTER Brunei pula diterima oleh Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Majlis turut diisikan dengan persembahan tarian daripada para pelajar, disusuli dengan penyampaian duit raya kepada para tetamu istimewa diikuti dengan jamuan makan dalam suasana harmoni bagi mengeratkan lagi silaturahmi.



SUASANA Majlis Silaturahmi sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan).

Diskaun Mega Buku DBP sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2026

Siaran Akhbar dan Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penerbitan dan Pemasaran mengadakan Diskaun Mega Buku DBP sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2026.

Diskaun Mega Buku DBP dibukakan kepada orang ramai, institusi kerajaan, sektor swasta dan perpustakaan sekolah selama tiga hari, iaitu pada hari Sabtu hingga hari Isnin, 14 hingga 16 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan 2 hingga 4 Mei 2026 Masihi dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Balai Sarmayuda DBP, Berakas.

Diskaun Mega Buku DBP menawarkan potongan harga sehingga 80 peratus untuk lebih 800 tajuk buku, majalah dan jurnal, termasuk buku ilmiah dan jurnal akademik; buku cerita kanak-kanak; buku rujukan istilah, daftar kata, kamus, monograf dan pedoman umum; serta bahan bacaan sastera seperti cerpen, novel dan puisi.

Pengunjung juga berpeluang untuk membuat pembelian secara pukal atau borong terus.

Bagi memastikan keselesaan dan kelancaran proses pembelian, orang ramai disarankan untuk meneliti katalog buku terlebih dahulu serta mengisi borang tempahan melalui imbasan kod QR.

Pelbagai kaedah pembayaran turut disediakan bagi kemudahan pengunjung, termasuk tunai, kad

garut, serta dalam talian. Ikuti perkembangan lanjut Diskaun Mega Buku DBP melalui

Instagram dan TikTok rasmi DBP di @dbpbrunei atau hubungi talian Kedai Buku DBP di +673 7293570.


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 5

Tajuk Sebut Harga:
Reprinting Of Brunei Tourism
Brochures

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
7 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00

(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran adalah
Secara Dalam Talian*



Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 3

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Design,
Copywriting & Printing For Brunei
Tourism Brochures

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 7 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00

(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian*



Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 4

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Traditional Music
Performances For 2026 - 2027

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
7 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00

(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 07

Tajuk Tawaran:
Provision Of
Integrated Marketing Services
For Brunei MYCE 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / UPP / KONTRAK

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menjahit Pakaian
Seragam Pembantu Pejabat
Lelaki dan Perempuan
Di Kementerian-Kementerian dan
Jabatan-Jabatan Kerajaan

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
GCAU / TL / TA / 6001
Permohonan Pembelian Boots
Half Wellington White Untuk
Kegunaan Anggota-Anggota
Tentera Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah satu (1) minggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu

**Selasa,
12 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026,
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU /
TL / TA / 6002
Pembelian Alat Pengegedahan
Kapal (Ship Boarding) Bagi
Kegunaan Komando Tier 2 Grup
Tindak Permukaan Laut

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu (1) minggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu

**Selasa,
12 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026,
2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran:
1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 -
2027

Keterangan Projek :
Membekal dan Mencetak Naskah
Buku Jadual Pembayaran
Bahagian Pengurusan Aset
Perniagaan Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Setia

2. Bilangan Tawaran:
3 / BBS / SH / BPL /
PP / 2026 - 2027

Keterangan Projek :
Membekal Kabinet-Kabinet Fail
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Setia

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 07 / 26-27
Unit Realiti TV :

Perkhidmatan Penggambaran
dan Pos Produksi
(Penyuntingan)
Rancangan TV
(09 Episode X 60 Minit)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 08 / 26-27
Unit Realiti TV : Perkhidmatan
Penggambaran dan Pos Produksi
(Penyuntingan) Rancangan TV
(14 Episode X 30 Minit)

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
29 April 2026,
jam 2.00 Petang


**JABATAN PERIKAMAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0002 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Uninterrupted Power Supply
(UPS) Complete With Battery And
Battery Cabinet For PCR
Laboratory Of Aquatic Animal
Health Laboratory Services
Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0003 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Real-Time Polymerase Chain
Reaction (PCR) System For
Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup :
Khamis,
7 Mei 2026





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
(26) PSD / QTN / 2026 / PROJEK
– (RIPASH)

Keterangan:
Conduct National Environmental
Balancing Bureau (NEBB) Test
For Negative Pressure Rooms At
Ward 15, Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Bilangan Sebut Harga:
DSS / HS / PROC / B50K /
2026 – 2027 / 006 (MIC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Salmonella
Antisera And Swarm Agar For
Microbiology Laboratory,
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Three (3) Years

Bilangan Sebut Harga:
45 / QTN / JPK / 2025



Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
(II & III Sahaja)

Kategori :
[M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
14 April 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
21 April 2026
(Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 049 / 2025

Nama Projek :
Membekalkan dan Mengganti
Pam Air Mentah No. 1 & No. 2
Di Bangunan Pam
Air Mentah Mengkubau,
Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Keterangan:
Supply And Replace With New
Air-Conditioning Unit And Install
New Air Curtain Unit,
PAPHMWHB Gadong
Health Centre

Bilangan Sebut Harga:
46 / QTN / JPK / 2025

Keterangan:
Provision Of Maintenance
Services For Refrigerant
Air-Conditioning And Ventilation
Exhaust Under Health Centres
And Clinic In Brunei Muara
For A Period Of Six (Months)

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1584) / 2026 / HTD
(A20)

Keterangan:
Repair For One (1) Unit Of
Hydrogen Generator Brand:
Leman, Model: FID STATION
RC250/3000, S/N: 40721,
BME29458 At Illicit Drugs
Laboratory, Department Of
Scientific Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1591) / 2026 / HTD
(A20)

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance
For One (1) Unit Of Water
Purification System, Brand:
EVOQUA, Model: ULTRA CLEAR
GP 10 TWF 30 UV TM, S/N:
8104321, BME20290, At Illicit
Drugs Laboratory, Department Of
Scientific Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1603) / 2026 / HTD
(A20)

Keterangan:
Repair For One (1) Unit Of Liquid
Chromatography Photodiode
Array (LCPDA) System, Brand:
SHIMADZU, Model: NEXERA
LC-40 DXS, S/N: L22425800640,
BME24837 At Pharmacy
Laboratory, Department Of
Scientific, Madaras (W/O:
2025-10164)

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1610) / 2026 / HTD
(A20)

Keterangan:
One Off Preventive Maintenance
Services For One (1) Unit Of
High-Performance Liquid

Chromatography (HPLC) System,
Brand: THERMO SCIENTIFIC,
Model: ULTIMATE 3000, S/N:
8080238, BME9950 At
Food Chemistry Laboratory,
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1612) / 2026 / HTD
(A20)

Keterangan:
To Supply, Delivery Install And
Testing One (1) Unit Of UPS
Machine For Ultra Low Medical
Freezer Brand: HAIER
BIOMEDICAL, Model:
DW-86L628E, S/N: BE6Q 0EAY0
0QGM3 30003, BME27544 At
Microbiology Laboratory,
Department Of Scientific Service

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1613) / 2026 / HTD
(A20)

Keterangan:
One Off Preventive Maintenance
Services For One (1) Unit Of Gas
Chromatography Mass
Spectrometer (GCMS), Brand:
SHIMADZU, Model:
GCMS-QP2010 PLUS, S/N:
020504601503, BME6904 At
Pharmacy Laboratory,
Department Of Scientific Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1641) / 2026 / HTD
(B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install
Spare Parts Of One (1) Unit Of
Adec Dental Chair, Model:
PERFORMER III, BME20163 S/N:
J876449 At National Dental
Centre Block C Room 9 For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1643) / 2026 / HTD
(B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install
Spare Parts Of One (1) Unit Of
Belmont Dental Chair, Model:
CLESTA II, BME1495, S/N:
FB12K01027 At Room 2 Seria
Dental Clinic For Department Of
Dental Services,
Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(27) PSD / QTN / 2026 –
(PHARM)

Keterangan:
Request To Purchase Barcode
Printer (Label Printer) For
Pharmacies Under Department Of
Pharmaceutical Services

Bilangan Sebut Harga:
(28) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install
Cabinets For Emergency
Department Extension Building,
Suri Seri Begawan (SSB)
Hospital, Ministry Of Health
(Non-Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(30) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
Assessment Of Existing Drainage
And Sewerage System At Suri
Seri Begawan Hospital,
Kuala Belait

Bilangan Sebut Harga:
(07) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS /
2026 / ICU

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
High Flow Oxygen Therapy Unit
For Intensive Care Unit,
RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 32 / 2026

Keterangan:
1/ Ibuprofen 5mg/ml injection
Qty: 3 x 4's
2/ Ethambutol 100mg oral solid
preparation preferably scored
tablet
Qty: 40 x 1,000's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 33 / 2026

Keterangan:
1/ Brinzolamide 1% & Timolol
0.5% eye drop
Qty: 1,200 x 5ml

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 34 / 2026

Keterangan:
1/ Clarithromycin 250mg/5ml oral
powder for reconstitution
Qty: 100 x 60ml

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1640) / 2026 / HTD
(B8)



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**1. JPH / 003 / TAW / 406 /
2026 - 2027**
Memelihara Canopy Walkway Dan
Jambatan Gantung Keruing Di
Taman Negara Ulu Temburong

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00 [Tidak Dikembalikan]

Yuran Tawaran:
BND30.00 [Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen:**
30 April 2026 (Khamis), 9.00 Pagi

Tarikh Tutup Tawaran:
5 Mei 2026 (Selasa)

**2. JPH / 003 / SH / 2571 /
2026 - 2027**
Kontrak Pembuangan Sampah
Di Taman Rekreasi Hutan
Bukit Shahbandar

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00 [Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen:**
9.00 Pagi, 2 Mei 2026 (Sabtu)

Tarikh Tutup Tawaran:
7 Mei 2026 (Khamis)



Keterangan:
To Supply For One (1) Unit Of
Electrical Care Bed, Brand:
ARJOHUNTLEIGH, Model:
ENTERPRISE 9000E9K At ICU 3
RIPAS Hospital

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
2 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang




**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SAB /
2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi
Sekolah Arab Belait.

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUP /
2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan
Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah
Ugama Pelambayan,
Kawasan Brunei I

Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H /
2025M – 2026M

Tarikh Tutup:

Rabu,
11 Zulkaedah 1447H /
29 April 2026M


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0001 / 2026
Media Coverage
(Photo & Video) And
Video Production For
'Brunei Darussalam
Expedition & Conference On
Sustaining Our Oceans :
Innovation, Governance
And Resilience For
A Blue Future

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / LTK / PPPB / SUL
/ 2025 - 2026

Perkhidmatan Pengurusan
Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi
Sekolah Ugama Lamunin,
Tutong I

Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1447H-1448H /
2025M – 2026M

Tarikh Tutup:

Selasa,
10 Zulkaedah 1447H /
28 April 2026M


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga:

32 / NOV / 2025 / KKBS /
PJK / 16.14(2) (R)
Air-Conditioning And Ventilation
Works To Existing Air Distribution
System At Setiausaha Sulit
(Kemasyarakatan) Office,
Level 7,
Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Brunei Darussalam
(Re-Quotation)

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang



1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / STAHB
/ 2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah
Tinggi Arab Hassanal Bolkiah.

2. Bilangan Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPHM / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Hajah Masna, Jalan
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,
Kawasan Brunei I

3. Bilangan Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPMAA / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Muda Abdul Azim,
Serasa,
Kawasan Brunei IIB

4. Bilangan Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SULJB
/ 2026 - 2027


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :

27 / NOVEMBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:

Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun
Perkhidmatan Perlindungan
Insurans Bagi Pelatih Program
Khidmat Bakti Negara
(PKBN)

Tarikh Tutup:

Khamis,
23 April 2026



Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)

Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah
Ugama Lambak Jalan Bedil,
Kawasan Brunei IIA

Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H /
2025M – 2026M

Tarikh Tutup:

Rabu,
4 Zulkaedah 1447H /
22 April 2026M


**KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga :

KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 01 / 2026-2027
Proposed Renovation And
Improvement Works For
Info-Communication And
Technology Department,
Ministry Of Primary Resources
And Tourism.

Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga:

KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 02 / 2026-2027
Garbage Collection And
Disposal Services For
Ministry Of Primary Resources
And Tourism Building,
Unit Penguatkuasaan Dan
Kawalan Sempadan Terunjing
And Pos Kawalan Sungai Tujoh
For The Period Of
Three (3) Years.

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap

Satu Sebut Harga:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(23) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for:
1. Track and Field, HBNSC
2. National Tennis Court, HBNSC

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(24) JBS / ADM / QC / 2026
Urgent Adhoc For Mechanical and
Electrical Term Maintenance for a
Period of Thirty – Six (36) Months
for All Sports Complex Building
(Brunei Muara District)

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(27) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of Thirty
– Six (36) Months for:

1. Games Village and Marching
Field (Padang Kawad), HBNSC
2. Hockey Stadium
3. Squash Centre, HBNSC
4. Lawn Ball, HBNSC
5. Petanque Court, HBNSC
6. Top Spinning Court
(Gelanggang Gasing)
HBNSC

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(28) JBS / ADM / QC / 2026
2 Years Laundry Contract
Services for Sports Medicine and
Research Centre

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(29) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Thirty-Six (36) Months for Menglait
Sports Complex and Sungai
Kebun Sport Complex

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(31) JBS / ADM / QC / 2026
Membekalkan Mini Pool Table,
7 Ft Fordable Legs KSP-10,
(size: 213 x 119 x 79)

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup:

Khamis,
30 April 2026




KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(22) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Quotation To Supply And Install Roofing Work At Rooftop Building, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(23) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Pembaikan Di Asrama Jururawat (3 Units) Dan Perumahan Rimba Kelas Cc (1 Unit)

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(24) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
To Supply, Deliver, Install And Commission Hot And Cold Water Dispensers For The Ministry Of Health Headquater Building By Lease For A Period Of Five (5) Years, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(25) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
One (1) Year Contract For Maintenance And Repair Electrical Services At Housing Building Under Brunei Muara District, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:

320 / CPC / 2026 / IKLAN / HEALTH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Handheld Ultrasound For Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1597) / 2026 / HTD (A20)
One-Time Preventive Maintenance Of Automated DNA Extraction System, Brand: Promega, Model: Maxwell RSC 48 System, SN: 20001497, BME29438 At Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1611) / 2026 / HTD (B4)
Replacement Of Hopkins Telescope For Surgical Videoscope System, BRAND: KARL STORZ, BME15014, For ENT Department, RIPASH

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1614) / 2026 / HTD (A20)
Repair For One (1) Unit Of Water Purification System, Brand: RSJ, Model: RODI-220B, S/N: 1.20003BA, BME26988 At Environment Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1629) / 2026 / HTD (A20)
To Repair One (1) Unit Of Ultrapure Water Purification System, Brand: ELGA, Model: PURELAB Chorus 1 Complete 10BP At Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1631) / 2026 / HTD (A20)
To Repair One (1) Unit Of Ultra Performance Liquid Chromatography Tandem Mass Spectrometry (UPLC-MS/MS) System, Brand: Waters, Model: XEVO TQD At Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1632) / 2026 / HTD (B4)
To Supply And Delivery Spare Parts For One (1) Unit Of Electric Pen Drive System, Brand: DEPUY SYNTHES At Operating Theatre RIPAS Hospital

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1633) / 2026 / HTD (A19)
Repair One (1) Unit Of Carl Zeiss OPMI Sensera Microscope, SN: 6628503945, BME6168 (WO: 2025-7544) In Operating Theatre, SSBH

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1638) / 2026 / HTD (A21)
One-Off Preventive Maintenance For Six (6) Units Of Renatron Dialysis Reprocessing Machines At Rimba Dialysis Centre

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1639) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Midmark Autoclaves, Model: M9, BME9628 (S/N: V1349580) At Sungai Asam Clinic, CRR Room For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1628) / 2026 / HTD (A20)
One Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of Auto Disintegrator Equipment, Brand: Pharma Test, Model: PTZ AUTO 3EZ, S/N: 20222, BME17822, At Pharmacy Section, Department Of Scientific Services

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1620) / 2026 / HTD (A17)
One Off PPM For Thirty-One (31) Units Of Vortex Mixers In Department Of Lab Services, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
BME / A2K / (1616) / 2026 / HTD (A17)

One-Off PPM For Thirty-Nine (39) Units Of Incubator, Drying Oven, And Dry Block Incubator In Department Of Lab Services, Ministry Of Health

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(11) PIHMH / KEW / 008
To Supply And Installation Medical Vacuum Pump With All Accessories Necessary Requirement For Male Ward, Female Ward And Pediatric / Isolation Ward, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 24 / 2026
1/ Nicotine 25mg patch, Qty: 950 x 7's
2/ Propranolol 40mg oral solid preparation preferably scored tablet, Qty: 50 x 1000's

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 25 / 2026
1/ Nicotine 15mg patch, Qty: 1,300 x 7's
2/ Coal tar solution BP (liquor Picis Carbonis), Qty: 25 x 1 liter

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 26 / 2026
1/ Hydrocortisone 0.5% ointment, Qty: 1,800 x 15g-30g
2/ Glucose (dextrose) Fast Acting Chewable Tablet 4g Glucotab or its equivalent, Qty: 800 x 10's

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 27 / 2026
1/ Lamivudine 10mg/ml oral liquid preparation, Qty: 3 x 240ml
2/ Hydroxyzine 25mg oral solid preparation preferably tablet, Qty: 3,000 x 28's

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 28 / 2026
1/ Mirtazapine 30mg oral solid preparation preferably scored table, Qty: 1,000 x 30's
2/ Cefotaxime 1gm Injection, Qty: 10 x 25's

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 29 / 2026
1/ Probenecid 500mg oral solid preparation preferably tablet, Qty: 100 x 100's
2/ Streptokinase 1,500.000iu injection, Qty: 20 vials

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 30 / 2026
1/ Premix Potassium Chloride 20 mmol in normal saline for intravenous 500ml container, Qty: 800 x 500ml
2/ Premix Potassium Chloride 10mmol in water for injection for intravenous use in 100ml bag (preferably with a good shelf life of at least 18 months), Qty: 600 x 100ml

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
PPS / QTN / 31 / 2026
1/ Sugammadex 100mg/ml


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**
Iklan Tarikh Lanjutan

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 007 / 2026
Provision Of Manpower: Discipline Maintenance Specialists For Department Of Electrical Services

Tarikh Tutup:
21 April 2026
Selasa
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913

Kelayakan / Open To :
Technical Consultancy / Firm registered with Brunei Darussalam Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS)
Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam

solution for injection, Qty: 30 x 10's

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(05) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / ORL
Supply And Deliver Of Restylane Disposable Medical Items For Otorinolaryngology Department At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
(06) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / ICU
Supply And Delivery Of ECG Cable For Intensive Care Unit (ICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu
25 April 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**
Iklan Tarikh Lanjutan

Tajuk Sebut Harga:
To Supply and Deliver Toner / Ink for Department Of Civil Aviation, Ministry Of Transport And Infocommunications:
01 Year Contract

Rujukan Sebut Harga:
ADMIN / 2025-2026 / SH-03(R)

Dokumen Sebut Harga Bolehlah Diperoleh:
Kaunter Seksyen Kewangan Aras Bawah Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam

Nota:
Waktu beroperasi:
• Setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu (tutup pada Jumaat, Ahad & hari kelepasan awam)
• 8.30 pagi hingga 11.00 pagi / 1.30 petang hingga 2.00 petang (Isnin-Khamis) / 8.30 pagi hingga 10.30 pagi (Sabtu).
• Peserta hendaklah membawa kad pengenalan atau pasport yang sah.

Harga Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap satu (01) dokumen sahaja (Yuran tidak akan dikembalikan)

Tarikh Tutup Menghantar Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
29 April 2026
Jam 2.00 Petang

Tajuk Tawaran:
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Bangunan-Bangunan dan Premis-Premis Jabatan Penerbangan Awam AVSEC / 2026 – 2027 / SH-03 (R)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
15 April 2026,
Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
22 April 2026
(Sebelum jam 10.00 pagi)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
22 April 2026,
Rabu
(Sebelum jam 2.00 petang)



MENGIKTIRAF KECEMERLANGAN PELAJAR, MENGHARGAI SUMBANGAN GURU, IBU BAPA

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami



SEKOLAH Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) Mentiri semasa mengadakan Majlis Penganugerahan Pelajar Cemerlang dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level / IGCSE Tahun 2025 di Dewan Jubli Mutiara, sekolah berkenaan (atas dan kiri).

MENTIRI, Sabtu, 18 April. – Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri (SMPDSM) telah mengadakan Majlis Penganugerahan Pelajar Cemerlang dalam Peperiksaan BC GCE 'O' Level / IGCSE Tahun 2025 pagi tadi, bertempat di Dewan Jubli Mutiara, sekolah berkenaan.

Seramai 54 pelajar telah diraikan pada majlis berkenaan yang terdiri daripada mereka yang memperoleh lima kredit ke atas dengan menghimpunkan tujuh kategori sijil dan hadiah, iaitu Kategori Penuntut Yang Memperoleh 9 'O' Level, Kategori Penuntut Yang Memperoleh 8 'O' Level, Kategori Penuntut Yang Memperoleh 7 'O' Level, Kategori

Penuntut Yang Memperoleh 6 'O' Level, Kategori Penuntut Yang Memperoleh 5 'O' Level, Kategori Penuntut Cemerlang A* Dalam Mata Pelajaran, dan Penuntut Cemerlang BC GCE 'O' Level.

Satu kategori lagi turut menyerikan majlis berkenaan, iaitu Kategori Hadiah Galakan Guru Mata Pelajaran.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Mastura binti Haji Sulaiman, yang dialu-alukan oleh Pengetua SMPDSM, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus.

Turut hadir, Pemangku Superintenden Kluster 1 dan 2, Pegawai-pegawai Kluster 2, Pegawai Bahagian Akademik Jabatan Sekolah-sekolah, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMPDSM, timbalan-timbalan pengetua, Ahli-ahli EXCO PIBG SMPDSM, dan ibu bapa mahupun penjaga pelajar yang diraikan.

Berdasarkan data terkini, SMPDSM telah merekodkan 15 pelajar sedang meneruskan pembelajaran di Pusat Tingkatan Enam Meragang, manakala empat pelajar di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee

Billah, sementara 14 pelajar sedang bekerja sementara menunggu untuk menyambung pembelajaran mereka dan telah memohon ke institusi lain. Manakala 16 pelajar lagi telah memohon untuk melanjutkan pelajaran di institusi lain.

Dengan adanya majlis tahunan sedemikian, ia dihasrat untuk terus mengiktiraf kecemerlangan akademik pelajar, menghargai sumbangan guru dan ibu bapa, serta memberi inspirasi kepada pelajar lain untuk terus berusaha mencapai kejayaan.

Di samping itu, SMPDSM juga berharap detik kesyukuran

meraikan Majlis Penganugerahan Pelajar Cemerlang dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level / IGCSE Tahun 2025 sekolah berkenaan dapat memainkan peranan penting dalam memperkukuh mesej kecemerlangan berkenaan, di samping memberi inspirasi kepada masyarakat untuk terus menyokong pendidikan berkualiti.

Hal berkenaan juga sekali gus mewujudkan majlis yang penuh bermakna dan secara tidak langsung membantu menyebarkan mesej 'Mengiktiraf Kecemerlangan, Membina Generasi Berwawasan'.

Memperkukuh keimanan, mengekalkan istiqamah dalam kehidupan seharian



KUMPULAN Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong mengadakan Program 'The Real Battle : The Journey Back to Allah' bertempat di XTI Space, Kampung Sengkurong (atas, kanan dan bawah kanan).

SENGKURONG, Sabtu, 18 April. – Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong telah mengadakan Program 'The Real Battle : The Journey Back to Allah' bertempat di XTI Space, Kampung Sengkurong, baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama dua jam berkenaan telah dihadiri oleh seramai 20 peserta dan ia merupakan kesinambungan daripada siri Program 'Lost & Found : The Journey Back to Allah'.

Program berkenaan bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai peringkat nafsu dan

konsep jihad melawan nafsu, mengetengahkan cabaran dalam mengekalkan istiqamah selepas bulan Ramadan, serta membimbing ke arah pengamalan langkah-langkah praktikal secara konsisten dalam kehidupan seharian.

Salah satu pengisian program termasuk sesi perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Mohammad Shahrudin bin Mohammad Sani.

Program berkenaan turut dimuatkan dengan aktiviti interaktif secara berkumpulan. Melalui aktiviti yang dijalankan berkenaan

memberi peluang kepada para peserta untuk mengenal pasti cabaran dalaman, memahami bisikan nafsu dalam situasi harian, serta merangka pelan tindakan peribadi ke arah pembentukan amalan istiqamah secara berperingkat.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada siri berterusan anjuran Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong dalam usaha membimbing golongan belia untuk terus memperkukuh keimanan dan mengekalkan istiqamah dalam kehidupan seharian.

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami



IMBASAN MINGGUAN

SUASANA Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengeratkan lagi hubungan ukhuwah serta silaturahmi sempena bulan Syawal.
- Foto : Mohammad Hasif Matzin.



SEBAHAGIAN pelajar Tahun 9 Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SMYSHHB) semasa mengikuti Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) 3.0 yang berlangsung sekolah YSHHB. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



PERSEMBAHAN nyanyian kalangan warga emas serta masyarakat setempat, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong sempena Majlis Warna Warni Berhari Raya 1447 Hijrah / 2026 Masihi.
- Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SALAH seorang pelajar Sekolah Menengah Berakas (SMB) pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang BC-GCE 'O' Level / IGCSE 2025, bertempat di Dewan Anggerek, sekolah berkenaan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

JEMAAH haji pada tahun ini semasa hadir bagi menerima mengadap dan junjung ziarah di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



Perkhidmatan Halal Syarie penuhi keperluan masyarakat

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan, ihsan Awang Haji Ismail Haji Mohd. Arshad

SEBAGAI sebuah negara yang mengamalkan gaya hidup Islam sebagai aspek kehidupan, kita tidak akan lari dari memenuhi beberapa perkara menurut keperluan syarak. Bukan setakat makanan sahaja, akan tetapi segala cara hidup yang menyeluruh.

Bagi memenuhi keperluan ini, perkhidmatan halal amat membantu bagi memudahkan urusan. Seorang pesara Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ismail bin Haji Mohd. Arshad, 65, kini gigih mengusahakan perniagaan berkonsepkan Perkhidmatan Halal Syarie di bawah syarikat kendaliannya WGM Management and Consultancy.

Beliau mula mendaftarkan syarikat tersebut pada awal tahun 2017, yang mana syarikat tersebut menguruskan hal ehwal urusan berkaitan masalah ummah dan Fardu Kifayah.

Di bawah syarikat WGM Management and Consultancy, beliau menyediakan Perkhidmatan Permohonan Sijil Halal (menu), Permohonan Logo Halal (produk), Penyucian Kaedah Syarak (sertu), Hal Ehwal Keluarga Islam, Pengurusan dan Penyucian Uri (tabuni), Pemeliharaan dan Pembersihan Tambak Pusara, Pelupusan Ayat Suci Al-Quran, Al-Hadith dan Kitab, Perkhidmatan Penyempurnaan Penanaman Tiang Sari dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan ummah.

Selain perkhidmatan tersebut, syarikat ini juga mengeluarkan beberapa produk seperti tayamum pad, serbuk debu tanah untuk tayamum, tayamum pack (bag, tayamum pad dan debu tayamum) dan serbuk debu tanah untuk sertu.

Perniagaan ini mula tercetus dari kata-kata

rangsangan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman ketika Majlis Penyampaian Sijil Persaraan yang mana ketika itu Yang Berhormat berkata, "Apa sumbangan bakti setelah bersara kepada negara khusus Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)". Kemudian terfikirilah untuk merealisasikan "Bagaimana hal ehwal keperluan masyarakat / fardu kifayah dijadikan perkhidmatan?".

Pada mulanya perkhidmatan ini dibuat secara sambilan iaitu menolong mereka yang memerlukan khidmat nasihat dan pandangan tentang tatacara untuk mendapatkan sijil halal kerana mereka maklum beliau sebelumnya berkhidmat di KHEU. Lama kelamaan ia mendapat sambutan dan dijadikan sebagai perkhidmatan dan sekarang menjadi perkhidmatan khusus dan perniagaan tetap.

WGM Management and Consultancy yang mulanya tertumpu kepada perkhidmatan pengurusan permohonan untuk mendapatkan sijil halal dan permit halal mulai mendapat perhatian setelah setahun perkhidmatan dan banyak yang ingin tahu perkhidmatan seterusnya. Dari perkhidmatan ini, syarikat beliau terus berkembang kepada perkhidmatan lainnya iaitu atas permintaan masyarakat dalam Fardu Kifayah.

Menurut Awang Haji Ismail, perkhidmatan yang beliau jalankan dapat dilaksanakan secara bersendirian, namun beliau akan mengambil pekerja sambilan untuk melaksanakan perkhidmatan sertu dan ini hanya diperlukan pada waktu-waktu tertentu sahaja.

WGM Management and Consultancy dikenali melalui dari mulut ke mulut, perjumpaan, perbincangan, saudara, rakan kerja, pengiklanan dan beliau juga sentiasa memakai pakaian iaitu baju yang ada logo WGM yang secara tidak langsung menjadi iklan bergerak. Semua ini membantu menaikkan sales perniagaan beliau.

Modal perniagaan pula tidak mahal, kerana beliau menggunakan peralatan dan keperluan yang sedia ada. Hasil dari perkhidmatan barulah beliau membeli keperluan lainnya sedikit demi sedikit tambah lagi beliau tidak perlu membayar sewa pejabat kerana dilaksanakan di rumah.

Memandangkan beliau pernah bekerja yang memerlukan latar belakang pengetahuan agama, maka segala pelaksanaan dan menjalankan perkhidmatan syarikatnya tidak ada masalah bagi beliau. Namun apa jua cabaran yang dihadapi merupakan penyuntik semangat agar sesuatu perkara boleh mendatangkan hasil.

Sepanjang beliau berniaga beliau telah menyertai beberapa program antaranya The Cottage & Youth Initiative Program di iCentre iaitu Kategori Penyediaan Perkhidmatan dengan Pengawasan Mentor Mei 2017 dan terpilih menyertai THE TAIB Entrepreneurship Programme 2017 sempena TAIB 25 Tahun.

Selain itu beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Tadbir Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) selaku Setiausaha Hal Ehwal Ugama DPPMB 2018, 2019 dan 2020 dan juga dilantik selaku Secretary of Shariah Compliance & Halal Services 2020.

Selain perniagaan WGM Management and Consultancy yang menumpukan kepada Halal Syari'e Services, beliau juga ada mengusahakan ladang penanaman daun

nyirik di atas tanah persendirian.

Beliau bersyukur kerana setakat ini perniagaan beliau dapat dilaksanakan sebaiknya. Beliau amat berterima kasih dan menghargai jasa mereka yang telah menyumbangkan buah fikiran, penyuntik semangat, memberi tunjuk ajar kepada beliau dari kosong hingga mengecapi beberapa kejayaan terutama isteri dan keluarga, orang perseorangan, rakan niaga mahupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan termasuk kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Tidak dilupakan juga para pelanggan yang telah mempercayai khidmat WGM Management and Consultancy yang setentunya nadi kepada survival perniagaan beliau.

Bagi mereka yang ingin keterangan lebih lanjut bolehlah berhubung terus kepada pemilik dan pengasas WGM ini di talian +673 8779988.

Kesimpulan

Pelaksanaan perkhidmatan halal syarie bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, meningkatkan integriti perniagaan, serta menyokong pembangunan ekonomi yang beretika dan mampan.

Dengan adanya perniagaan yang menjalankan perkhidmatan halal syarie seperti ini ia dapat menjamin kepatuhan kepada syariat Islam. Ia juga dapat memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada pengguna Muslim.

Setentunya syarikat ini juga menekankan kualiti, kebersihan, keselamatan, dan etika dalam melaksanakan perkhidmatannya yang menjadi satu nilai tambah yang meningkatkan reputasi organisasi atau perniagaan.

Persiapan menyahut panggilan Baitullah

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, ihsan Pg. Yusof @Pg. Said Pg. Haji Ismail

KINI sudah tiba bulan Zulkaedah dan menandakan bermulanya musim haji. Di sebalik konflik di Timur Tengah, bakal-bakal jemaah haji tetap cekal untuk melaksanakan Rukun Islam Ke-5. Berikut perkongsian beberapa bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H / 2026M dalam menyambut panggilan ke Tanah Suci.



Awang Haji Mohammad Ali Dzulfikri bin Haji Mohammad Taib dan isteri, Ernie Erwana binti Haji Mohd Erman

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur dan terharu apabila nama saya sekali lagi tersenarai untuk menunaikan fardu haji pada tahun 1447H / 2026M. Ini merupakan haji kali kedua bagi saya setelah menunaikan haji pertama pada tahun 2023. Saya menganggap peluang ini sebagai satu rezeki dan jempunan istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk memperbaiki lagi ibadah serta menambah keinsafan diri.

"Antara persiapan yang telah saya buat ialah memperkukuhkan ilmu berkaitan ibadah haji dengan menghadiri kursus / manasik haji, menjaga tahap kesihatan dan kecergasan fizikal, menyediakan dokumen serta keperluan perjalanan dan membuat persediaan mental serta rohani melalui doa, zikir dan memperbanyakkan ibadah. Saya juga berusaha menyelesaikan urusan keluarga sebelum berangkat supaya dapat menunaikan ibadah dengan lebih tenang.

"Dalam kesempatan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafakkan setinggi-tinggi junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan, keprihatinan serta perhatian yang sentiasa diberikan kepada rakyat dan penduduk negara ini. Patik dengan penuh takzim merakamkan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dikurniakan kesihatan, kesejahteraan dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan penuh daulat dan hikmah".

Pengiran Yusof@Pengiran Said bin Pengiran Haji Ismail dan isteri, Dayang Noor Aida binti Haji Mohd Hassan



"Setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan kurnia-Nya apabila nama kami suami isteri tersenarai untuk menunaikan fardu haji tahun ini. Ini merupakan haji yang pertama kami dan kami memohon agar perjalanan ini dipermudahkan serta dikurniakan haji yang mabrur, insyaaAllah.

"Dari segi persiapan, kami menghadiri kursus-kursus manasik haji di samping berusaha menjaga kesihatan diri untuk menghadapi suasana persekitaran di Tanah Suci dan dari segi rohani dengan memperbaiki diri dengan memperbanyakkan amalan ibadah seperti solat sunat, membaca Al-Quran, berzikir serta memperbanyakkan doa agar hati sentiasa tenang dan bersedia menghadapi perjalanan ibadah ini.

"Dengan penuh hormat dan takzim, *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan isteri merafakkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan serta kurnia baginda dalam memastikan kebajikan dan kemudahan jemaah haji sentiasa terpelihara. Segala perhatian, kemudahan dan pengurusan yang disediakan oleh pihak kerajaan di bawah naungan baginda amatlah kami hargai dan syukuri. Ia bukan sahaja memudahkan perjalanan ibadah kami, malah memberikan rasa selamat dan keyakinan sepanjang menunaikan Rukun Islam yang kelima ini".



Awang Abdullah bin Asgar dan isteri, Pengiran Lelasari binti Pengiran Haji Othman

"Sejurus menerima panggilan daripada Jabatan Pengurusan Haji, kami terus mengambil langkah menjaga kesihatan dan menjalani pemeriksaan perubatan. Kami juga telah menghadiri kursus haji sebanyak 10 sesi sebagai persediaan menunaikan ibadah dengan lebih teratur dan sempurna. Alhamdulillah, segala urusan berjalan dengan lancar tanpa sebarang halangan. Dari segi persiapan barangan, kami membuat pembelian secara berperingkat dan mengambil nasihat agar tidak membawa terlalu banyak barang bagi memudahkan pergerakan serta mengelakkan bebanan. Namun begitu, kami bercadang membawa sedikit makanan yang bersesuaian dengan selera tempatan sebagai keperluan tambahan.

"Menjunjung setinggi-tinggi terima kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan kain ihram dan telekung. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung kasih atas peluang berziarah Kehadapan Majlis baginda dan anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah".

Dayang Masunah binti Chuchu bersama keluarga

"Kami sangat terharu dan di samping mensyukuri nikmat dan panggilan istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang dinanti-nantikan. Semoga ibadah ini dipermudahkan dan dikurniakan haji yang mabrur. Ini merupakan haji pertama saya dan ianya adalah satu pengalaman yang amat bermakna memandangkan kami sekeluarga akan berangkat bersama-sama.

"Seperti mana bakal-bakal jemaah haji lainnya, kami juga menghadiri kursus dan taklimat haji untuk menambah ilmu serta memahami rukun dan wajib haji. Selain itu, persiapan fizikal turut dititikberatkan dengan menjaga kesihatan dan melakukan senaman ringan sebagai latihan menghadapi perjalanan yang mencabar. Dari segi rohani, saya memperbanyakkan ibadah seperti solat sunat, zikir, membaca Al-Quran dan memohon keampunan agar dikurniakan haji yang mabrur.

"Pada kesempatan ini *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekeluarga dengan segala hormat dan takzim merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas limpah perkenan serta kurnia yang membolehkan patik sekeluarga menunaikan fardu haji pada tahun ini. Patik sekeluarga berdoa semoga baginda dan kerabat diraja lainnya sentiasa dikurniakan kesihatan, kesejahteraan serta dilimpahi rahmat dan keberkatan dan semoga negara Brunei kekal aman, makmur dan diberkati".





ARAB SAUDI TINGKAT KESIAPSIAGAAN SEIRING KETIBAAN JEMAAH HAJI

JEDDAH, 19 April. - Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengumumkan ketibaan jemaah ke negara itu melalui pintu masuk udara, darat dan laut bagi menunaikan ibadah haji tahun ini, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Proses itu dilaksanakan menerusi sistem perkhidmatan dan kemudahan bersepadu di bawah penyeliaan Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Haji,

Putera Abdulaziz bin Saud bin Naif bin Abdulaziz dengan kerjasama pihak berkuasa berkaitan bagi memastikan prosedur kemasukan dan pemindahan ke tempat penginapan berjalan lancar.

Kementerian itu memaklumkan bahawa lapangan terbang menerima penerbangan dari beberapa negara termasuk Pakistan, Turkiye, Afghanistan, Malaysia, India, Bangladesh dan Thailand pada Sabtu dengan kira-kira 30 penerbangan diproses

mengikut prosedur yang teratur.

Menurut kementerian itu, tahap kesiapsiagaan di semua pintu masuk turut dipertingkatkan menerusi penambahan petugas, pengaktifan laluan khas jemaah haji serta penyediaan kemudahan penerimaan bagi meningkatkan kecekapan dan mempercepat urusan.

Kementerian itu turut menekankan penyelarasan antara agensi bagi memudahkan prosedur kemasukan,

menyediakan panduan dan jemaah ke tempat penginapan sokongan pelbagai bahasa, serta mereka di Makkah dan Madinah memastikan urusan pemindahan berjalan lancar. - ©BERNAMA

Malaysia seru UNSC pastikan keselamatan anggota pengaman UNIFIL

PUTRAJAYA, 19 April. - Malaysia menyeru masyarakat antarabangsa serta Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan keselamatan anggota pengaman UNIFIL.

Dalam satu kenyataan pada Ahad, Kementerian Luar atau Wisma Putra mengemukakan sekilas-kilas serangan berterusan terhadap anggota pengaman UNIFIL.

Serangan-serangan itu

merupakan jenayah perang dan Malaysia menuntut keadilan bagi anggota-anggota pengaman yang terkorban dan tercedera.

"Malaysia menggesa semua pihak untuk menghormati gencatan senjata, meredakan ketegangan dan memberikan kerjasama penuh kepada UNIFIL dalam melaksanakan mandatnya di bawah Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1701(2006).

"Anggota tentera Batalion Malaysia (MALBATT) yang sedang

berkhidmat di bawah panji UNIFIL dilaporkan berada dalam keadaan selamat," menurut kenyataan itu.

Kerajaan Malaysia menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga dan Kerajaan Perancis di atas kehilangan nyawa seorang anggota pengaman dan kecederaan tiga anggota pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) dalam satu insiden di Ghanduriyah pada 18 April. - ©BERNAMA

Thailand gesa waspada, kes melioidosis meningkat

BANGKOK, 18 April. - Kerajaan Thailand memantau teliti situasi melioidosis susulan peningkatan trend jangkitan.

Sejumlah 732 kes direkodkan di seluruh negara dari 1 Januari hingga 16 April, dengan 23 kematian, kata seorang pegawai pada Sabtu, lapor Xinhua.

Timbalan Jurucakap Kerajaan Lalida Periswivatana berkata penyakit itu disebabkan oleh bakteria yang terdapat dalam tanah dan air, yang boleh memasuki badan melalui luka, penyedutan zarah debu atau pengambilan air yang

tercemar.

Simptom boleh menjadi akut dan kronik, dari demam tinggi, kesukaran bernafas dan tekanan dada selain bengkak, luka merah atau bisul, katanya, sambil menambah bahawa jika bakteria memasuki aliran darah, ia boleh membawa kepada jangkitan teruk dan juga kematian.

Kumpulan berisiko termasuk petani, pekerja pertanian dan orang yang kerjanya melibatkan sentuhan dengan tanah dan air, serta pesakit yang menghidap penyakit kronik seperti diabetes, penyakit buah pinggang dan

talasemia, serta individu yang mempunyai sistem imun yang lemah, yang menghadapi risiko simptom teruk yang lebih tinggi, katanya.

Jurucakap itu berkata kerajaan sedang mendapatkan kerjasama orang ramai, terutamanya kumpulan berisiko tinggi, untuk mengelakkan sentuhan langsung dengan tanah dan air, menyatakan sesiapa yang mengalami demam panas yang berlarutan lebih dua hari, sesak nafas atau luka yang dijangkiti, perlu segera mendapatkan rawatan perubatan. - ©BERNAMA

Republik Singapura, Australia meterai protokol SAFTA, jamin aliran bekalan penting

REPUBLIK SINGAPURA, 18 April. - Republik Singapura dan Australia telah memuktamadkan rundingan mengenai protokol baharu di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Singapura - Australia (SAFTA) untuk menjamin aliran bekalan penting termasuk bahan api dan mengukuhkan daya tahan rantaian bekalan.

Menurut Kementerian Luar Negeri (MFA) dalam kenyataan, Protokol Ketahanan Ekonomi dan Bekalan Penting menunjukkan komitmen bersama Perdana Menteri Lawrence Wong dan Perdana Menteri Australia Anthony Albanese pada 10 April.

"Protokol itu mencerminkan keutamaan yang kami berikan antara satu sama lain berhubung perdagangan bekalan penting, termasuk minyak petroleum seperti diesel dan gas asli cecair

(LNG).

"Ia juga menunjukkan saling melengkapi dan saling bergantung antara dua ekonomi," katanya pada Jumaat.

Menurut kementerian itu, perjanjian berkenaan meningkatkan kerjasama dalam daya tahan ekonomi termasuk usaha mengurus dan meminimumkan gangguan rantaian bekalan serta mengelak larangan eksport atau sekatan ke atas bekalan penting antara kedua-dua negara.

Ia menambah protokol itu akan berkuat kuasa sebaik sahaja Republik Singapura dan Australia menyelesaikan proses domestik masing-masing.

Dalam ucapan bersama mengenai kesimpulan rundingan itu, Menteri Luar Republik Singapura Dr. Vivian Balakrishnan berkata resolusi protokol itu ialah

pengesahan hubungan yang benar-benar istimewa dengan Australia.

"Sekarang dalam krisis semasa rantaian bekalan dan khususnya untuk LNG penting, seperti LNG untuk kami dan diesel untuk Australia, sekali lagi, kami telah mencapai persetujuan untuk saling melengkapi dan saling bergantung," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Australia Penny Wong berkata perjanjian itu menjamin aliran bebas bekalan penting dan bahan api dan peringatan bahawa 'sahabat' penting dalam masa sukar.

"Itulah yang diwakili oleh perjanjian ini, rakan kongsi yang boleh diharapkan dipercayai bekerjasama untuk mendapatkan bahan api dan bekalan penting bagi rakyat kami," katanya. - ©BERNAMA

78 warga Filipina ditahan di Myanmar atas kesalahan imigresen, dibebaskan

MANILA, 19 April. - Seramai 78 warga Filipina yang sebelum ini ditahan di Myanmar atas kesalahan berkaitan imigresen telah dibebaskan, menurut Jabatan Hal Ehwal Luar (DFA) pada Sabtu, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan pada Sabtu, DFA memaklumkan bahawa warga Filipina terbabit telah menjadi mangsa pemerdagangan manusia untuk bekerja di pusat penipuan dan sedang menjalani hukuman atas kesalahan masuk serta tinggal secara haram.

DFA menzahirkan penghargaan kepada pihak berkuasa Myanmar atas apa yang disifatkan sebagai "tindakan belas kasihan dan kemanusiaan" yang dilakukan sempena perayaan Thingyan, sekali gus mencerminkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Meskipun kempen pencegahan telah dipergiatkan, pegawai menyatakan bahawa masih ramai warga Filipina terus menjadi mangsa skim pengambilan pekerja yang membawa kepada eksploitasi, jenayah paksaan dan penglibatan dalam operasi penipuan.

Usaha sedang dipergiatkan untuk menyelamatkan dan membawa pulang mangsa pemerdagangan manusia warga Filipina yang masih terperangkap di hab penipuan atau dipaksa bekerja di pusat panggilan haram di seluruh rantau ini. - ©BERNAMA

Empat maut, 14 cedera dalam nahas SUV di barat Nepal

KATHMANDU, 19 April. - Empat orang terbunuh selepas sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) yang membawa rombongan perkahwinan terlibat dalam kemalangan di daerah Salyan, barat Nepal pada Sabtu petang, kata seorang pegawai polis, lapor Xinhua.

Tiga mangsa maut di tempat kejadian manakala seorang lagi meninggal dunia ketika menerima rawatan. Kenderaan yang membawa 18 orang termasuk pemandu itu terjunam dari lebuh raya sehingga menyebabkan kemalangan maut berkenaan.

"Empat belas mangsa yang cedera, termasuk lima dalam keadaan serius, sedang menerima rawatan di hospital," kata jurucakap polis daerah Devraj Bhattarai kepada Xinhua.

Polis mengesyaki muatan berlebihan mungkin menjadi punca kemalangan, namun siasatan masih dijalankan. - ©BERNAMA

10 maut, bas mini jatuh gaung di selatan Republik India

NEW DELHI, 18 April. - Sekurang-kurangnya 10 orang terbunuh dan beberapa lagi cedera pada Jumaat selepas bas mini yang membawa mereka terjatuh ke dalam gaung di negeri Tamil Nadu di selatan Republik India, kata penyiar kerajaan All India Radio (AIR), lapor Xinhua.

Mangsa, dari negeri jiran Kerala, dalam percutian di Tamil Nadu. Menurut AIR, 16 orang dari Kerala berada di dalam van ketika kemalangan itu berlaku. Punca kemalangan tidak diketahui.

Polis telah membuka kes dan mengarahkan siasatan terhadap kejadian itu. - ©BERNAMA

Gempa bumi bermagnitud 5.0 landa Nagano di Jepun

TOKYO, 18 April. -Gempa bumi dengan magnitud awal 5.0 melanda bahagian utara Wilayah Nagano di kawasan tengah Jepun pada Sabtu, menurut agensi cuaca negara itu.

Menurut Agensi Berita Kyodo, gempa pada 1.20 tengah hari itu mencatatkan skala lima kuat (Upper 5) pada skala keamatan seismik tujuh peringkat Jepun di Omachi dan berlaku pada kedalaman 10 kilometer, menurut Agensi Meteorologi Jepun.

Upper 5 ditakrifkan oleh agensi sebagai tahap ramai orang berasa sukar untuk berjalan.

Tiada laporan awal mengenai kecederaan atau kerosakan harta benda akibat gempa bumi di wilayah dikepung daratan itu. - ©BERNAMA

MS ABDB BENAM WIJAYA FC, 6-0

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



ANTARA aksi perlawanan di antara MS ABDB menentang Wijaya FC pada Liga Super Brunei bagi Musim 2025 / 2026 (atas, kanan dan bawah kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. – MS ABDB berjaya membenam Wijaya FC pada Liga Super Brunei bagi Musim 2025/2026 dengan kedudukan 6 - 0 bertempat di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pada babak pertama, MS ABDB jelas lebih menguasai permainan dengan kawalan bola yang kemas sekali gus berhasil memperoleh jaringan gol melalui Mohammad Adi Shukry Salleh seawal minit ke-5.

MS ABDB terus memberi tekanan berterusan yang akhirnya membuahkan hasil jaringan sekali lagi melalui Muhd. Fathlinnur Adhlin Ratano pada minit ke-44.

Walaupun ketinggalan, Wijaya

FC tetap tidak mengalah dan terus berusaha mempertahankan kubu pertahanan mereka.

Memasuki babak kedua, rentak permainan semakin memihak kepada MS ABDB sehingga berjaya menambah dua lagi gol melalui 56134 Sld (U) Mohammad Ady Aiman Haji Noorajrin pada minit ke-50 dan minit ke-55.

Wijaya FC terus menunjukkan semangat meskipun berdepan tekanan hebat, namun gagal menembusi pertahanan lawan.

MS ABDB tetap tidak berpuas hati dan terus menambah jaringan melalui 54004 Sld (U) Muhamad Abdul Hafiz Mohamad Sabri pada minit ke-64; dan Mohamad Saufi Salleh pada minit ke-83.



Timba ilmu aspek kemahiran teknikal, strategi permainan badminton



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menganjurkan Klinik Badminton bersempena HR Simposium 2026 pada Rabu, 15 April 2026 bertempat di Pusat Belia di ibu negara.

Klinik tersebut menampilkan atlet badminton antarabangsa dari Republik Indonesia, Mohamad Ahsan.

Mohamad Ahsan merupakan antara nama besar dalam sukan badminton dunia dengan pencapaian sebagai juara tiga kali Kejuhanan Dunia BWF, pemenang

Piala Thomas, serta juara dua kali Kejuhanan All England.

Klinik yang disertai lebih 30 penggiat dan peminat badminton telah memberi peluang kepada para peserta untuk menimba ilmu secara langsung daripada seorang atlet bertaraf dunia, merangkumi aspek kemahiran teknikal, strategi permainan, serta pemikiran kompetitif di peringkat tertinggi.

Klinik tersebut dikendalikan dengan bantuan jurulatih-jurulatih tempatan dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ia turut ditaja oleh Track & Roll,

Tarindak Restaurant & Catering, Imagine Sdn. Bhd., dan TLT Enterprise, yang bersama-sama menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan klinik ini.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar, dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.



SEKITAR Klinik Badminton bersama atlet badminton antarabangsa dari Republik Indonesia di Pusat Belia (atas, kiri dan bawah).





ePaper Pelita Brunei



KONTINJEN NEGARA KE SUKAN PANTAI ASIA KE-6 BERLEPAS KE SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Sukan Pantai Asia Ke-6 dijadualkan berlangsung dari 22 hingga 30 April 2026 di Sanya, Republik Rakyat China.

Seramai lapan ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam, terdiri daripada empat atlet dan empat pegawai, telah berlepas ke Republik Rakyat China bagi menyertai kejohanan tersebut.

Daripada jumlah itu, tiga atlet adalah lelaki manakala seorang lagi atlet wanita.

Pegawai kontinjen pula merangkumi Chef de Mission, Ketua Urus Setia merangkap Pegawai Safeguarding dan Prevention of Manipulation of Competition, serta jurulatih.

Negara Brunei Darussalam akan mengambil bahagian dalam dua acara sukan, iaitu Olahraga Pantai dan Teqball.

Bagi Acara Olahraga Pantai, Awang Abdul Aqil bin Abd. Kadir bersama Dayang Quratul Ain binti Irwan akan bersaing dalam Acara Lompat Jauh.

Sementara itu, bagi acara Teqball, APO L/KP6565 Awang Ismail Ang bergandingan dengan Awang Mohammad Hanis Hidayatullah bin Abdullah dalam Acara Beregu Lelaki.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar serta menyampaikan kata-kata nasihat ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, bersama Pegawai - pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan, wakil persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta ahli keluarga kontinjen.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai sebelum berlepas bagi menyertai Sukan Pantai Asia Ke-6 yang dijadualkan berlangsung dari 22 hingga 30 April 2026 di Sanya, Republik Rakyat China.

dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Penganalisa, Jabatan Belia dan Sukan, Awang

Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim. Majlis kemudian diteruskan

dengan sesi bergambar ramai sebelum kontinjen berlepas ke destinasi.

Kejohanan Liga Futsal U13 pamer aksi sengit



AKSI para pemain pada Kejohanan Liga Futsal Bawah 13 Tahun (U13) Ar Rawda yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (kiri dan kiri sekali).

Siaran Akhbar dan Foto :
Urus Setia Kejohanan Futsal Bawah 13 Tahun Ar Rawda

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Kejohanan Liga Futsal Bawah 13 Tahun (U13) Ar Rawda menyaksikan aksi penuh dramatik dan persaingan sengit dalam kalangan pemain peringkat akar umbi yang semakin menunjukkan peningkatan prestasi semua pasukan di Dewan

Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas.

Akademi Futsal Ar Rawda yang tewas pada perlawanan sulung berjaya mencuri tumpuan dengan menewaskan Panchor Murai FC dalam perlawanan sengit yang berakhir dengan jaringan 3-2.

Kejayaan Akademi Futsal Ar Rawda berkenaan membuka ruang persaingan untuk merebut kedudukan terbaik selepas mencatat kemenangan sulung, sekali gus menyukarkan laluan Panchor Murai FC yang menerima kekalahan buat kali kedua.

Turut mencatat kemenangan sulung ialah Almerrez FC yang dipaksa bekerja lebih keras oleh BSRC FC sebelum menang tipis

4 - 3, sekali gus mencalar rekod kemenangan pihak lawan pada minggu lalu.

Manakala Al Mujahidun FA pula berjaya kekal tanpa tewas selepas mencatat kemenangan tipis 3 - 2 ke atas Dash Junior.

Ketua Jurulatih Al Mujahidun FA, Awang Muhammad Najib bin Daud menzahirkan rasa lega selepas anak buahnya berjaya mempamerkan permainan yang

berkesan walaupun menerima saingan sengit daripada Dash Junior.

"Pemain telah memperlihatkan semangat juang yang tinggi dan memanfaatkan peluang yang terhidang untuk diterjemahkan kepada jaringan. Kami yakin mereka akan terus meningkatkan prestasi permainan pada minggu depan," ujarnya lagi.

Awang Muhammad Najib seterusnya berkata, secara keseluruhan minggu kedua liga berkenaan membuktikan setiap pasukan menampilkan potensi besar dengan aksi kompetitif serta semangat kesukanan yang tinggi sebagai tunjang pembangunan sukan futsal menerusi kejohanan berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SYUKURI NIKMAT PERSAHABATAN YANG ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA ANUGERAHKAN